Di **KOTA BHARU**, peniaga runcit mendakwa mereka semakin sukar mendapatkan tepung gandum dan minyak masak dalam botol hingga terpaksa meminta bantuan penduduk kampung membekalkan terus kelapa kepada peruncit.

Di **KOTA KINABALU**, tepung gandum dijual RM2 dan RM2.10, manakala minyak masak cap buruh satu kilogram dijual RM3.65, sama seperti harga ditetapkan KPDNHEP.

Di **KUALA TERENGGANU**, peniaga di Pasar Besar Kedai Payang mendakwa harga tepung terpaksa dinaikkan kerana pemborong membekalkan tepung pada harga lebih tinggi. Bagaimanapun, hanya dua peniaga masih menjual pada harga RM1.80 kerana stok lama.

Di **KUCHING**, beberapa kedai runcit di Jalan Gambier kehabisan bekalan minyak masak dalam paket dan kekurangan bekalan tepung gandum sejak seminggu lalu, menyebabkan berlaku kenaikan 10 hingga 20 sen setiap satu kilogram.

Harga minyak masak dalam paket RM3 untuk sekilogram berbanding RM2.80 sebelum ini. Kekurangan bekalan tepung gandum tidak menjejaskan harga ditetapkan iaitu RM1.50 sekilogram untuk tepung timbang dan RM1.80 tepung paket.

Di **JOHOR BAHRU**, Masalah sama dihadapi pengguna kerana harga tepung gandum dinaikkan sejak awal Ramadan lalu.

Sebahagian peruncit mendakwa pemborong atau pembekal sengaja menaikkan harga barang bukan kawalan untuk meraih keuntungan berikutan menerima permintaan tinggi sebagai persiapan untuk membuat kuih muih menjelang Aidilfitri.

Di **SEREMBAN**, harga kebanyakan barangan keperluan masih terkawal, kecuali minyak masak dalam botol serta tepung gandum dan kebanyakan di pasar utama bandar Seremban dan Senawang memberi alasan terpaksa menaikkan harga gandum kerana harga pembekal juga melebihi paras biasa.

Keperluan harian lain seperti majerin, kelapa parut, telur, kacang tanah, susu pekat manis serta gula merah tidak banyak berubah dan kenaikan harga hanya membabitkan peratusan kecil.

Di **MUAR**, Pengerusi Persatuan Peruncit Muar, Ler Eng Sim, berkata pihaknya menjangka beberapa barangan berasaskan tepung terutama bagi membuat kuih dan kek akan meningkat disebabkan kekurangan bekalan.

Di **PUTRAJAYA**, kebanyakan peniaga dan peruncit menjual barangan mengikut kadar yang ditetapkan kerajaan dan bekalan mencukupi untuk persediaan perayaan Aidilfitri tidak lama lagi.

Di IPOH, harga kebanyakan barangan runcit masih lagi terkawal dan tidak berlaku sebarang kenaikan melampau. Tinjauan mendapati bekalan majerin, kelapa parut, tepung gandum dan susu pekat manis tidak menunjukkan perbezaan harga yang ketara.

Tajuk Artikel : JPJ periksa bas enggan guna terminal penumpang

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Ahmad Naim Tahir

SEREMBAN: Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan melancarkan gerakan mengesan dan memeriksa bas ekspres yang sebelum ini menggunakan taktik mengambil dan menurunkan penumpang di luar terminal bagi mengelakkan kenderaan diperiksa dalam fasa awal Ops Bersih.

Gerakan dimulakan minggu depan dalam fasa kedua Ops Bersih II melalui rondaan di lebuhraya, jalan persekutuan serta pemeriksaan di terminal bas seperti biasa.

Pengarah Penguatkuasa JPJ, Salim Parlan berkata pihaknya sudah mengumpul maklumat bas yang bertindak demikian, sekali gus memudahkan usaha mengesan dan pemeriksaan kenderaan itu.

"Dalam fasa kedua Ops Bersih mulai minggu depan, kita akan guna data diperoleh daripada 25 terminal bas di seluruh negara. Kita tahu siapa pemandu dan pengusaha bas yang tak masuk terminal," katanya selepas berbuka puasa bersama penguat kuasa JPJ yang menyertai Ops Bersih II di Terminal One, di sini malam kelmarin.

Majlis dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Awam dan Pembangunan Koperasi Negeri Sembilan, Datuk Zakaria Nordin serta Pengarah JPJ negeri, Mohamad A Bakar.

Salim berkata, JPJ tidak melakukan pemeriksaan bas ekspres yang tidak memasuki terminal pada fasa pertama operasi kerana boleh menyebabkan kesan sampingan, terutama kesesakan lalu lintas.

"Contohnya, kita tahu banyak bas tidak masuk terminal di Hentian Puduraya, tetapi JPJ tak boleh buat pemeriksaan di tempat bas berkenaan mengambil dan menurunkan penumpang kerana ia akan menyebabkan kesesakan lalu lintas.

"Situasi sama juga berlaku di Kota Bharu yang ada tiga terminal bas ekspres terbuka. Kita akan pastikan semua bas ekspres menjalani proses pemeriksaan selepas ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, JPJ akan membuka secara berperingkat pejabat kecil dilengkapi kemudahan komputer di sebanyak 25 hentian utama bas ekspres seluruh negara.

Tajuk Artikel : 'Hukum segera pembunuh Nurin'

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Amirullah Andi Nur

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak mengutuk pembunuh Nurin Jazlin Jazimin yang mayatnya ditemui dalam beg pakaian, di Taman Petaling Utama, Petaling Jaya pada Isnin lalu.

Mereka menyifatkan perbuatan itu sebagai tidak berperikemanusiaan dan mahu pihak berkuasa menangkap pembunuh berkenaan serta dikenakan hukuman setimpal.

Sebagai bukti keprihatinan mereka terhadap nasib malang mangsa, sebuah persatuan menawarkan ganjaran wang tunai RM5,000 kepada sesiapa yang dapat membantu polis menangkap pembunuh kejam itu.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, berkata beliau dan keluarga terkejut dan marah apabila dimaklumkan dengan berita pengesahan mayat itu adalah Nurin dan mengucapkan takziah kepada keluarganya.

Namun, beliau yakin polis akan menyelesaikan kes itu dan membawa pembunuh Nurin ke muka pengadilan untuk diadili dan dijatuhkan hukuman setimpal.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said yang sangat sedih berkata, perbuatan seperti itu tidak sepatutnya berlaku dan menyifatkan pihak bertanggungjawab melakukannya seperti binatang.

"Bagi saya, kes ini sangat menyedihkan dan tidak sepatutnya berlaku di negara kita. Sesiapa juga yang melakukannya, ia tidak ubah seperti binatang," katanya selepas pertemuan dengan jawatankuasa pusat Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) di Gombak, dekat sini, semalam.

Nurin dipercayai dibunuh di tempat lain sebelum mayatnya yang disumbat dalam beg pakaian. Beg itu ditemui berhampiran pejabat sebuah syarikat penerbitan di Taman Petaling Utama.

Hasil bedah siasat mengesahkan mangsa dibunuh kurang dari 24 jam sebelum mayatnya ditemui dengan kematian berpunca daripada jangkitan kuman dalam kemaluannya, selain usus pecah akibat penderaan seksual.

Murid Tahun Dua Sekolah Rendah Kebangsaan Desa Setapak itu dilaporkan hilang pada 20 Ogos lalu selepas keluar bersendirian ke pasar malam berhampiran rumahnya di Seksyen 1, Wangsa Maju.

Pengesahan identiti kanak-kanak itu dibuat melalui ujian asid deoksiribonukleik (DNA) dan diumumkan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamed, semalam.

Sementara itu, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim yang turut senada dengan Azalina menyifatkan pihak yang melakukannya sebagai tidak berakal dan berperwatakan binatang.

"Bagi saya, ini perbuatan orang kurang siuman dan gila seks, apatah lagi menjadikan kanak-kanak sebagai mangsa," katanya.

Presiden Abim, Yusri Mohamad turut mengutuk pihak yang bertanggungjawab melakukan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan itu dan mahu tindakan tegas diambil terhadap pihak terbabit.

"Tidak terlintas kepada kita bahawa perkara seperti ini boleh dilakukan. Namun, pada masa sama kita perlu bersedia menerima keadaan ini sebagai satu cabaran yang perlu dihadapi," katanya.

Pengarah Projek Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Noor Nirwandy Mat Noordin, pula berkata, pihaknya mengeji dan mengutuk perbuatan pembunuh bertopengkan haiwan itu.

"PPIM menggesa semua pihak membantu memastikan manusia bertopengkan haiwan ini ditangkap serta dikenakan hukuman setimpal," katanya.

Noor Nirwandy berkata, pihaknya sedia memberi ganjaran RM5,000 kepada sesiapa berjaya membantu polis menangkap pembunuh kejam itu.

Sementara itu di **PUTRAJAYA**, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah, semalam menyatakan rasa sedih dan kesal berhubung kes penculikan dan pembunuhan kanak-kanak yang kerap berlaku sejak akhir-akhir ini.

Sambil meminta masyarakat berdoa supaya kes sedemikian tidak berulang, beliau berkata ibu bapa perlu menjaga anak masing-masing dan memberi sepenuh kasih sayang.

"Ini kes yang amat menyedihkan...semua ibu bapa sayangkan anak mereka dan saya percaya tiada satu pun mahu kejadian seumpama ini berlaku. Sukar untuk nyatakan apakah nasihatnya, tetapi yang penting kita perlu menyayangi mereka," katanya selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada kakitangan kumpulan sokongan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN), semalam.

Tajuk Artikel : Kesatuan guru rayu cuti bermula 11 Oktober

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Abdul Razak Raaff

KUALA LUMPUR: Kesatuan Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) meminta Kementerian Pelajaran mengkaji semula keputusan tidak membenarkan sekolah memohon cuti berganti pada 11 Oktober depan, dua hari sebelum Aidilfitri yang disambut pada 13 Oktober.

Presidennya, Mohd Sabri Mohd Arshad, berkata banyak permohonan cuti berganti ditolak Jabatan Pelajaran Negeri atau Pejabat Pelajaran Daerah kerana sudah memberi cuti peristiwa pada 12 Oktober.

Beliau berkata, keputusan hanya memberi cuti peristiwa sehari sebelum Aidilfitri, dilihat akan menyulitkan guru terutama sekolah dua sesi selain menyukarkan ibu bapa merancang dan membuat persiapan terakhir termasuk pulang berhari raya di kampung.

Katanya, peratus kehadiran murid yang datang ke sekolah sehari sebelum cuti perayaan kebiasaannya merosot berikutan tindakan ibu bapa yang mengambil cuti lebih awal terutama mereka yang hendak balik kampung menggunakan pengangkutan awam.

"Ia sekali gus menjejaskan persediaan pembelajaran dan pengajaran guru kerana masih ada beberapa sukatan mata pelajaran yang belum selesai dan pelajar juga tidak lagi menduduki peperiksaan akhir tahun.

"Pihak sekolah dan guru tidak berdepan sebarang masalah, malah bersedia menggantikan waktu persekolahan itu pada Sabtu jika diberi kelonggaran berbuat demikian," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sehubungan itu, Mohd Sabri berkata, KGMMB turut menghantar permohonan rayuan supaya sekolah dibenarkan mengambil cuti berganti pada 11 Oktober kepada Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran, Datuk Alimuddin Mohd Dom, hari ini.

Katanya, kementerian harus memberi pertimbangan sewajarnya terhadap permohonan pihak sekolah untuk mengambil cuti berganti pada 11 Oktober, diikuti cuti peristiwa yang sudah ditetapkan pada hari berikutnya.

Selain itu, beliau berkata, mereka juga perlu mengambil kira nasib guru yang merantau termasuk mengajar di kawasan pedalaman terpaksa mengambil cuti rehat khas kerana terpaksa menempuh perjalanan jauh untuk balik kampung.

"Kita prihatin nasib guru dari negeri sebelah utara dan timur Semenanjung, tetapi mengajar di Johor bukan akan kesuntukan masa membuat persiapan terakhir menyambut Aidilfitri.

Tajuk Artikel : Rakyat belanja RM4b setahun beli rokok

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Sazarina Shahrin

Kerajaan tampung kos tinggi rawat penyakit akibat merokok

KUALA LUMPUR: Rakyat negara ini membelanjakan kira-kira RM4 bilion setahun untuk membeli rokok, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Datuk Lee Kah Choon.

Beliau berkata, angka itu menunjukkan rakyat negara ini membazirkan wang mereka untuk tabiat yang tidak berfaedah itu sedangkan ia lebih baik jika digunakan untuk pembangunan negara seperti membina lebih banyak universiti dan sekolah.

"Itu baru purata jika kita ambil tiga juta perokok membeli 10 batang rokok sehari. Ini belum lagi kos terpaksa ditanggung negara umpamanya rawatan pelbagai penyakit seperti barah akibat merokok, kehilangan nyawa dan sebagainya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pertandingan Mereka Cipta Laman Web 'Tak Nak Merokok' peringkat kebangsaan di Universiti Kuala Lumpur (UniKL), di sini, semalam.

Beliau berkata, hasil kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) itu menunjukkan lebih 50 peratus orang Melayu merokok dan jumlah ini adalah paling tinggi berbanding kaum lain di negara ini.

Mengenai langkah meletak label amaran bergambar atau grafik kesan negatif pada kotak rokok seperti termaktub dalam Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau (FCTC) Pertubuhan Kesihatan Sedunia,

beliau berkata, draf Rang Undang-Undang Kawalan Tembakau kini pada peringkat akhir dan dijangka dilaksanakan tahun depan.

Beliau berkata, draf itu akan diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara dalam masa terdekat sebelum dibentangkan di Parlimen.

"Kita memang berharap dapat melaksanakannya sebelum Ogos 2008 seperti termaktub dalam FCTC. Ini kerana kita agak ketinggalan berbanding negara jiran seperti Singapura dan Thailand yang sudah lama melaksanakannya," katanya.

Pada 2005, Malaysia memperakukan FCTC yang antara lain memberi tempoh tiga tahun untuk menguatkuasakan langkah itu.

Label amaran bergambar itu antara lain akan memaparkan gambar kerosakan paru-paru, mulut, otak dan jantung bagi memberi rangsangan emosi seperti ngeri, gerun, jijik dan marah di kalangan perokok.

Ditanya mengenai pertandingan mereka cipta laman web 'Tak Nak Merokok' yang berlangsung sehingga 30 November ini, Lee berkata, ia akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu terbuka dan khas untuk pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Pertandingan yang dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan Institut Teknologi Maklumat UniKL itu bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat terutama remaja mengenai bahaya rokok.

"Kita juga mahu mendidik masyarakat dan remaja supaya menjauhi tabiat merokok, selain menggalakkan masyarakat ke arah persekitaran bebas tembakau," katanya.

Tajuk Artikel : CTOS kembali beroperasi seperti biasa

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR: Selepas beberapa bulan dilanda isu hangat hingga disaman Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atas beberapa pertuduhan, Credit Tip Off Services Sdn Bhd (CTOS) kini melepasi tempoh sukar itu dan kembali beroperasi seperti biasa.

Sebagai antara agensi rujukan kredit pengguna di Malaysia, CTOS kembali menawarkan perkhidmatannya walaupun mungkin tidak disenangi sesetengah pihak.

Ketua Eksekutif CTOS, Chung Tze Keong, berkata syarikat akan terus beroperasi atas landasan yang sah dan patuh kepada semua undang-undang yang berkaitan.

Beliau berkata CTOS sejak 1990 hanya mengumpul maklumat awam yang tersedia dan dikumpulkan dalam arkib elektronik bagi memudahkan pelanggan mengakses maklumat dengan cepat dan mudah.

"Pelanggan kami memahami dan menghargai fungsi agensi rujukan kredit sebagai penyedia latar belakang kewangan yang cekap dan murah, atau sebagai sumber maklumat awal. Terpulang kepada mereka untuk membuat siasatan tambahan sebelum membuat keputusan," katanya.

Beliau mengulas perkembangan terkini CTOS yang mencetuskan kontroversi sebelum ini apabila Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas membangkitkan mengenai tindakan syarikat itu yang didakwa menyediakan maklumat yang tidak dikemas kini.

Tajuk Artikel : Ayam kurang punca harga naik

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Rohaniza Idris, Adha Ghazali, Syed Ismail Syed Abu Bakar, Zatul Iffah Zolkipli dan Raja Norain Hidayah



PERIKSA HARGA: Pengarah Perdagangan Dalam Negeri Cawangan Negeri Sembilan, Ahmad Lasim (tengah) memeriksa harga ayam di pasar Senawang, semalam.

Pengeluar tak buat persediaan awal untuk tampung permintaan sempena Ramadan

KUALA LUMPUR: Permintaan luar biasa ayam pada Ramadan dan tindakan pengeluar tidak menambah pengeluaran menyebabkan bekalan di pasaran berkurangan dan harganya meningkat.

Sumber yang rapat dengan industri itu berkata, pihak terbabit tidak membuat persediaan awal menyebabkan bekalan sedia ada tidak dapat menampung permintaan yang meningkat hampir 20 peratus.

Katanya, dalam keadaan sekarang sukar untuk industri meningkatkan bekalan kerana ternakan ayam memerlukan masa sekurang-kurangnya 35 hari sebelum boleh disembelih dan dijual kepada pemborong serta peruncit.

"Tiada persediaan awal kerana mengambil kira pengalaman tahun lalu menyebabkan krisis bekalan berlaku dan peniaga tidak mempunyai pilihan selain menaikkan harga melebihi paras harga siling. Peningkatan harga juga dipengaruhi kos logistik dan harga makanan ternakan yang meningkat," katanya mengulas mengenai krisis bekalan ayam yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan itu.

Sejak awal bulan ini, pengguna mendakwa peniaga menaikkan harga ayam sehingga ada yang mencecah

RM7 sekilogram berbanding harga siling RM6 sekilogram. Pemborong pula mendakwa kenaikan harga berpunca daripada kekurangan bekalan.

Namun, Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menafikan kenaikan harga ayam berpunca daripada tindakan penternak menaikkan harga seperti yang didakwa pemborong.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal turut memberi jaminan bekalan mencukupi dan sudah menggerakkan pegawai penguat kuasa di seluruh negara memeriksa ladang ternakan bagi mengesan penyelewengan bekalan.

Beliau turut menafikan dakwaan sesetengah pihak harga ayam akan dinaikkan selepas Aidilfitri dan bertegas tidak akan tunduk kepada sebarang tekanan menaikkan harga ayam kerana sudah berbuat demikian sebelum puasa baru-baru ini.

"Apa yang berlaku ini seperti dalam teori ekonomi yang sepatutnya difahami semua pihak dalam rantai pengeluaran ayam. Penternak sepatutnya mengambil tindakan awal bagi mengelakkan kekurangan dengan menambah bekalan.

"Setiap tahun, apabila tiba musim perayaan, biasanya penternak sudah bersedia sebulan lebih awal dengan meningkatkannya lebih 20 peratus daripada pengeluaran hari biasa. Penternak kena faham bahawa apabila tiba Ramadan, muncul peniaga baru yang turut menjual ayam dan juadah berbuka puasa menggunakan ayam," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Roslan Mahayuddin berkata tindakan penternak yang begitu teliti bagi pengagihan ayam kepada pembekal menyebabkan pemborong mendakwa berlaku kekurangan bekalan.

"Namun, keseluruhannya pengeluaran tetap sama dan tidak berkurangan seperti didakwa sesetengah pihak. Mengikut statistik 22 juta ayam dikeluarkan penternak sebulan," katanya.

Di IPOH, tinjauan di beberapa pasar dan pasar besar mendapati bekalan ayam kembali stabil dan rata-rata peniaga memberitahu bekalan ayam mencukupi.

Seorang peniaga, Mohd Jamil Jamlus, berkata pemborong mulai menghantar bekalan ayam seperti biasa semalam.

Di **KANGAR**, majoriti peniaga di beberapa pasar utama terutama di Pasar Besar Kangar mengikuti arahan kerajaan dengan menjual ayam pada harga RM6 sekilogram.

Bagaimanapun, ia memberikan tekanan kepada mereka apabila ada segelintir pembekal menjual ayam antara RM5.40 dan RM5.80 sekilogram, apatah lagi nilai keuntungan seolah-olah langsung tidak berbaloi.

Di **BUTTERWORTH**, harga ayam di beberapa pasar sekitar Seberang Prai dan Georgetown stabil dan peniaga mematuhi arahan menjual tidak melebihi harga siling RM6 sekilogram.

Tinjauan di Pasar Jalan Tenggiri, Seberang Jaya dan Georgetown mendapati peniaga menjual pada harga yang ditetapkan.

Tajuk Artikel : 3 bawa RM1j maut nahas

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Rosli Abdul Jalil



MANGSA NAHAS: Khairuddin menghubungi saudaranya untuk memaklumkan kejadian kemalangan sebelum dirawat di Hospital Bentong, semalam.

KUANTAN: Tiga anggota polis bantuan Bank Simpanan Nasional (BSN) maut, manakala seorang lagi cedera selepas kenderaan pacuan empat roda yang dinaiki mereka terbabit dalam kemalangan ketika dalam perjalanan menghantar wang tunai RM1 juta ke cawangan bank itu di Raub dan Kuala Lipis.

Dalam kejadian di Kilometer 43.5 Lebu Raya Karak dekat Bukit Tinggi, Bentong semalam, mangsa yang terbunuh dikenali sebagai Koperal Mohd Rusni Muda, 35; Koperal Che Yusri Yusoff, 36, dan Koperal Mohd Soupi Yaacob, 35.

Seorang lagi anggota polis bantuan yang dikenali Sarjan Khairuddin Zainal Abidin, 38, cedera di kepala dibawa ke Hospital Bentong untuk rawatan lanjut.

Mohd Rusni yang berasal dari Terengganu disahkan meninggal dunia di tempat kejadian, manakala pemandu kenderaan itu, Che Yusri dan Mohd Soupi yang berasal dari Kelantan meninggal dunia di Hospital Bentong.

Ketua Polis Daerah Bentong, Superintendan Mohd Yusof Mahmood yang mengesahkan kejadian itu berkata, pihaknya menemui wang yang dibawa kenderaan itu dan pistol serta raifal di tempat kejadian.

Katanya, semua barang yang ditemui itu kemudian diserahkan kepada pegawai BSN.

"Dalam kejadian pada 11 pagi tadi, keempat-empat mereka sedang dalam perjalanan dari ibu pejabat BSN di Kuala Lumpur dengan membawa wang terbabit untuk diagihkan ke cawangan bank BSN di Raub dan Kuala Lipis," katanya ketika dihubungi Bernama.

Beliau berkata, kemalangan dipercayai berpunca akibat kenderaan yang dinaiki mereka hilang kawalan sebelum terbabas lalu merempuh pagar besi di kiri dan kanan jalan sebelum terbalik, menyebabkan penumpang tercampak.

Tajuk Artikel : Konsesi tol ikut jumlah kenderaan

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Jumlah kenderaan menggunakan sesuatu lebuh raya akan diambil kira dalam formula penentuan konsesi tol dan kadar kenaikan yang boleh diminta syarikat konsesi, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Beliau berkata, kementerian juga akan menentukan sama ada kenaikan tol dibenarkan, kekerapannya serta kewajaran membayar pampasan berdasarkan keupayaan syarikat terbabit membayar hutang serta menyelenggara lebuh raya sepanjang tempoh konsesi.

"Umpamanya, jika kadar trafik sebenar sesuatu lebuh raya melebihi unjuran dalam perjanjian konsesi, maka kenaikan tol tidak akan dibenarkan. "Semua ini boleh dilakukan kerana bergantung kepada budi bicara kerajaan," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, faktor lain yang turut diambil kira adalah perolehan syarikat konsesi selepas membayar hutang dan kos penyelenggaraan dan lokasi lebuh raya. Samy Vellu turut menjelaskan kerajaan tidak boleh mengurangkan kadar tol berikutan tekanan orang ramai kerana pampasan yang dibayar kepada syarikat konsesi sebenarnya menggunakan wang cukai rakyat.

Beliau memberi contoh kadar tol Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) yang ditetapkan RM1.50 terpaksa dikurangkan kepada RM1 selepas bantahan pengguna dan kerajaan terpaksa membayar pampasan RM465 juta selama enam tahun kepada syarikat konsesi.

Bagi projek Lebuhraya Utara Selatan (Plus) pula, syarikat konsesinya, Plus Berhad meminjam RM7.4 bilion bagi pembinaannya tetapi perlu membayar balik RM16 bilion, termasuk faedah, kos penyelenggaraan dan gaji kakitangan.

Samy Vellu berkata, ketika menandatangani perjanjian konsesi dengan Plus Berhad, kadar tol ditetapkan ialah 18 sen sekilometer tetapi dikurangkan kepada 14.2 sen atas permintaan kerajaan

"Namun baki 3.8 sen masih dibayar kerajaan sebagai pampasan kepada syarikat itu," katanya.

Berdasarkan statistik hingga suku pertama tahun ini, 19 syarikat konsesi lebuh raya tempatan mengutip tol RM23.66 bilion, termasuk jambatan Pulau Pinang dan Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedu).

Secara keseluruhan, semua syarikat berkenaan membelanjakan RM18.93 bilion bagi membina kemudahan terbabit dan menanggung kos purata RM41 juta sebulan bagi menyelenggara infrastruktur masing-masing.

Tajuk Artikel : Usahawan Melayu rebut peluang ECER

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR: Ahli perniagaan Melayu perlu bertemu pelaksana pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) untuk mengetahui dari awal pembangunan yang bakal dilaksanakan dalam wilayah itu.

Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu, Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif, berkata satu jawatankuasa ekonomi Bumiputera yang dianggotai wakil Dewan Perniagaan Melayu Malaysia bagi negeri Terengganu, Pahang, Johor dan Kelantan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan kontraktor perlu dibentuk.

Katanya, jawatankuasa itu perlu berbincang dengan Petronas sebagai peneraju utama pelan induk itu untuk merebut peluang yang ada selain mengenal pasti cabaran, sumber tenaga dan kewangan serta mengambil langkah mengatasi sebarang kekurangan.

"Satu bentuk mekanisme perlu diwujudkan dalam membangunkan tanah rizab Melayu dalam ECER supaya tanah itu dapat dimajukan dengan pembabitkan bersama pemiliknya dan pada masa sama hak milik itu tidak berubah," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam mengenai inisiatif pembangunan ECER yang meliputi kawasan seluas 66,736 kilometer persegi di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Mersing di Johor yang dijangka membabitkan pelaburan berjumlah RM112 bilion. Petronas menyediakan pelan induk ECER.

Presiden yang juga Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican, berkata sebahagian besar peruntukan itu akan digunakan untuk membangunkan rangkaian pengangkutan, iaitu jalan raya dan lebuh raya serta kemudahan infrastruktur utama lain.

Mohd Radzi berkata, apa yang menarik mengenai ECER ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berusaha memajukan kawasan untuk kesejahteraan rakyat tanpa mengira sentimen politik termasuk di Kelantan yang terletak di bawah pentadbiran Pas.

Pengarah Eksekutif Gabungan Badan Ekonomi Melayu (Gabem), Datuk Mohamed Dahan Abdul Latiff, berkata peniaga dan kontraktor Melayu perlu diberi keutamaan mendapatkan kontrak di ECER yang juga kawasan utama Melayu.

Katanya, industri dan syarikat sedia ada dalam kawasan itu mesti diberi keutamaan kerana berasaskan taklimat mengenai Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) Johor dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Gabem mendapati beberapa syarikat Bumiputera dalam kawasan itu tidak diambil kira dalam perancangan pembangunan.

Beliau berkata, Gabem juga ada menerima aduan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bersaing dengan syarikat Bumiputera sedangkan seharusnya kedua-dua pihak bekerjasama untuk manfaat bersama.

Tajuk Artikel : Keputusan DNA tepat

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR: Keputusan ujian asid deoksirinukliek (DNA) adalah tepat dan muktamad jika tiada kerosakan pada sampel, kata Pengarah Hospital Kuala Lumpur (HKL), Datuk Dr Zaininah Mohd Zain.

"Keputusan ujian DNA secara saintifik adalah konklusif," katanya ketika ditanya mengenai ketepatan ujian DNA dalam mengenal pasti identiti manusia atau mayat berdasarkan pengalamannya dalam bidang perubatan.

Semalam, polis mengumumkan hasil ujian DNA mayat budak perempuan yang ditemui dalam beg di Taman Petaling Utama, Petaling Jaya, sepadan dengan sampel darah ibu bapa Nurin Jazlin Jazimin, 8, yang dilaporkan hilang sejak sebulan lalu.

Bagaimanapun, Jazimin Abd Jalil, 33, yang dua kali membuat pengecaman mayat budak perempuan berkenaan tidak mahu menerima keputusan DNA itu berdasarkan beberapa ciri yang berbeza termasuk rambut, gigi dan tanda parut pada paha.

Berikutan itu, polis akan membuat ujian DNA kali kedua bagi mengesahkan perkara itu.

Sebelum ini, keputusan DNA pernah diragui oleh keluarga penyanyi kumpulan Spoon atau lebih dikenali sebagai Along yang dilaporkan hilang sebelum ditemui mati dibunuh pada tahun 2000.

Dr Zaininah berkata, laporan ujian DNA biasanya mengambil masa dua atau tiga hari.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas kes Nurin Jazlin dan mayat budak perempuan berkenaan kerana semuanya diserahkan kepada polis.

Mengenai kesan suntikan termasuk BCG, Dr Zaininah berkata, bukan semua suntikan meninggalkan kesan atau tanda kerana bergantung kepada individu.

Katanya, ketiadaan kesan suntikan BCG juga boleh berlaku pada kanak-kanak tempatan jika tidak hadir ke sekolah pada hari sepatutnya menerima suntikan berkenaan.

"Biasanya suntikan BCG diberikan kepada kanak-kanak berusia tujuh tahun dan dilakukan di sekolah," katanya.

Polis sebelum ini tidak menolak kemungkinan mayat budak perempuan dalam beg itu rakyat asing kerana tidak menemui kesan suntikan pada tubuhnya.

Ibu bapa Nurin Jazlin semalam turut mengesahkan anaknya ada menerima suntikan BCG.

Tajuk Artikel : Projek LTSM perlu dipercepat

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Nazura Ngah

MB mahu jadikan Terengganu pintu masuk utama sektor pelancongan bagi ECER

KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri meminta Kementerian Pengangkutan mempercepatkan proses kelulusan projek pemanjangan landasan Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM), di sini, bagi menampung pendaratan pesawat besar, termasuk Boeing 747.

Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata projek memanjangkan landasan hampir 700 meter membabitkan kawasan laut menelan kos RM150 juta dan dijangka mampu menjadikan Terengganu pintu masuk utama sektor pelancongan bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Beliau berkata berdasarkan rekod bilangan penumpang yang menggunakan LTSM dari Februari hingga Ogos lalu, peningkatan ketara berlaku membabitkan pertambahan lebih 20,000 orang.

Katanya, Februari lalu, LSTM merekodkan kehadiran 26,095 penumpang dan jumlah itu meningkat kepada 46,616 orang pada Ogos lalu.

"Peningkatan penumpang itu selaras dengan permohonan kerajaan negeri yang mahukan supaya LSTM menjadi lapangan terbang bertaraf antarabangsa.

"Dengan peningkatan itu juga, kita mengharapkan Kementerian Pengangkutan memberikan sokongan dengan mempercepatkan proses kelulusan.

"Projek ini dijangka tidak menimbulkan sebarang isu kerana peruntukan diperoleh daripada Dana Khas Kerajaan Persekutuan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Wisma Darul Iman, di sini, semalam.

Projek pembesaran landasan giat dijalankan ketika ini membabitkan 2.8 kilometer bagi menampung pesawat lebih besar, termasuk Boeing 777.

Bagi membolehkan LSTM menjadi pintu masuk antarabangsa dan menerima pesawat Boeing 747, landasan perlu dipanjangkan hingga 3.4 kilometer.

Hasrat menjadikan LSTM sebagai hab terminal haji Pantai Timur juga menjadi antara justifikasi dalam rundingan dengan Kerajaan Pusat.

Idris berkata kelulusan segera membolehkan Kementerian Kerjaraya melaksanakan projek berkenaan lebih awal kerana setakat ini pelan dan laporan pembinaan sudah disiapkan.

Sementara itu, Idris berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan ECER pada 29 Oktober ini di Pantai Batu Burok, di sini.

Katanya, pelancaran itu akan menjadikan bilangan penumpang di LSTM akan terus meningkat berikutan lebih banyak kemudahan termasuk penginapan dibina.

Tajuk Artikel : Sah mayat Nurin – Keputusan rasmi ujian DNA, rekod gigi

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR 20 Sept. – Ujian asid deoksiribonukleik (DNA) ke atas mayat kanak-kanak perempuan disumbat dalam sebuah beg pakaian di Taman Petaling Utama, Petaling Jaya dekat sini Isnin lalu mendapati kanak-kanak itu ialah Nurin Jazlin Jazimin, 8. Dia hilang sejak 20 Ogos lalu.

Ujian oleh Unit Forensik, Jabatan Kimia itu disahkan pihak polis dan hospital.

Bapa kanak-kanak malang itu, Jazimin Abdul Jalil, bagaimanapun sangsi dengan keputusan tersebut.

Sehubungan itu, polis mencadangkan ibu bapa Nurin Jazlin menjalani ujian kedua DNA di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Jazimin diminta datang ke HKL pada pukul 12.15 tengah hari ini enggan mengakui mayat kanak-kanak perempuan itu adalah anaknya berdasarkan faktor fizikal mayat itu didakwanya berbeza daripada tubuh Nurin Jazlin.

Ibu mangsa, Norazian Bistaman pula mengakui mayat berkenaan memiliki lebih 50 peratus persamaan dengan tubuh anak perempuannya.

Katanya, beliau boleh menerima kematian Nurin Jazlin jika ujian DNA itu sah.

Menurut Pengarah HKL, Datuk Dr. Zaininah Mohd. Zain, bukti yang diperolehi daripada laporan forensik pihak polis itu adalah hasil ujian makmal ke atas rambut, kuku dan darah Jazimin dan Norazian.

Katanya, keputusan tersebut diperkuatkan lagi dengan rekod pergigian Nurin yang diambil secara berasingan di sekolahnya.

"Rekod pergigian Nurin yang hilang sejak sebulan lalu didapati sama dengan gigi mayat kanak-kanak malang itu," katanya kepada Utusan Malaysia di sini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Kontinjen Polis (IPK) Shah Alam, Selangor petang ini menegaskan, ujian DNA yang dijalankan ke atas mayat dan juga ibu bapa Nurin Jazlin mengesahkan hubungan antara kanak-kanak yang mati itu dengan Jazimin dan Norazian.

Katanya, ibu bapa Nurin Jazlin telah dimaklumkan mengenai keputusan DNA itu tengah hari ini.

Bagaimanapun, selepas membuat pengecaman semula di bilik mayat HKL, kedua-duanya tetap menafikan mayat tersebut adalah anak perempuan mereka.



GAMBAR eksklusif Utusan.

"Memandangkan kedua-dua ibu bapa Nurin Jazlin tidak mengesahkannya, maka polis akan meneruskan siasatan untuk mengenal pasti identiti sebenar mayat kanak-kanak perempuan yang ditemui dalam beg itu.

"Pada masa sama, kita juga akan meneruskan siasatan untuk mengesan suspek yang terbabit dalam kes ini meliputi semua aspek," katanya.

Pada 20 Ogos lepas, Nurin Jazlin, murid tahun dua Sekolah Rendah Desa Setapak di sini, yang menghidap sakit buah pinggang dan darah tinggi dilaporkan hilang selepas keluar bersendirian ke pasar malam berhampiran rumahnya di Seksyen 1 Wangsa Maju.

Usaha pelbagai pihak mencari Nurin selama sebulan di Kuala Lumpur dan beberapa negeri di seluruh negara gagal menemui kanak-kanak itu.

Bagaimanapun, pada Isnin lalu, selepas 27 hari kehilangan Nurin Jazlin, orang ramai digemparkan dengan penemuan mayat seorang kanak-kanak perempuan dalam sebuah beg pakaian di sebuah premis perniagaan di Jalan PJS 1/48, Taman Petaling Utama di Petaling Jaya.

Kawasan itu terletak kira-kira 40 kilometer dari rumah Nurin Jazlin di Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Mayat kanak-kanak berusia enam hingga sembilan tahun itu ditemui dalam keadaan bogel dengan kaki mengerekot selain terdapat kesan lebam di leher serta luka dan calar-calar di kaki. Berdasarkan bau, polis percaya mangsa telah meninggal dunia lebih enam jam sebelum mayatnya ditemui.

Ibu bapa Nurin Jazlin yang dipanggil membuat pengecaman ke atas mayat itu Isnin lalu mengatakan kanak-kanak itu bukan anak mereka.

Khalid berkata, memandangkan Jazimin dan Norazian tidak mengesahkan mayat itu sebagai anak mereka, selain sampel darah pasangan itu, polis juga akan mengambil contoh darah kakak mangsa, Nurin Jazshira.

"Kita akan cadangkan ibu bapa Nurin melakukan ujian DNA kali kedua," katanya.

Khalid menambah, pihaknya juga selepas ini akan menjemput saudara-mara Nurin Jazlin seperti datuk, nenek atau ibu saudaranya untuk membuat pengecaman semula mayat yang ditemui.

Ditanya sebab utama kedua-dua ibu bapa Nurin Jazlin tidak mengakui mayat tersebut anak mereka, Khalid berkata: "Ada kemungkinan fizikal mayat tersebut lain. Sebagai ibu bapa, ia satu keadaan yang amat sukar diterima."

Beliau menambah: "Saya sendiri tidak berani mengesahkan apa-apa kerana keputusan DNA yang diketahui hari ini adalah hasil keputusan sains."

Tajuk Artikel : Pembunuh berada di Lembah Klang - KPN

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR 20 Sept. – Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan berkata, siasatan polis berhubung kes pembunuhan Nurin Jazlin Jazimin kini menjurus kepada seorang suspek yang berada di Lembah Klang.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan sama ada suspek itu seorang warga tempatan atau asing mahupun ia berkaitan dengan perogol bersiri Kampung Baru.

“Hasil siasatan (kes itu) akan siap esok dan tangkapan dijangka dibuat dalam beberapa hari lagi,” katanya kepada pemberita hari ini.

Musa sebelum itu mengadakan pertemuan dengan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di pejabat Shahrizat di sini bagi membincangkan kejadian keganasan ke atas kanak-kanak yang semakin berleluasa sejak kebelakangan ini.

Mengulas mengenai ujian asid deoksiribonukleik (DNA) ke atas mayat kanak-kanak perempuan yang ditemui di dalam beg pakaian di Petaling Jaya Isnin lalu yang didapati sepadan dengan DNA Nurin Jazlin, Musa berkata, ujian itu boleh dijalankan sekali lagi ke atas ibu bapa Nurin Jazlin.

Beliau berkata, ujian DNA pertama yang dijalankan mendapati DNA kanak-kanak itu sepadan dengan sampel darah Jazimin Abdul Jalil dan isterinya, Norazian Bistaman.

“Saya tidak tahu mengapa mereka berkata demikian (tidak mengaku kanak-kanak itu anak mereka)... mungkin kerana tiada tanda suntikan BCG dan kewujudan tanda lahir pada kaki mayat sedangkan, menurut mereka, Nurin tidak memiliki tanda tersebut.

“Oleh itu, identiti mayat kanak-kanak perempuan itu masih belum disahkan manakala ibu bapa Nurin Jazlin pula dipanggil oleh Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamad untuk disoal siasat,” katanya.

Bapa Nurin Jazlin dipanggil ke Ibu Pejabat Polis Petaling Jaya pada pukul 10.15 malam ini dan mengadakan perbincangan berhubung laporan DNA selama sejam.

Tajuk Artikel : DNA mayat sepadan ibu bapa Nurin

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR 20 Sept. – Ujian asid deoksiribonukliek (DNA) ke atas darah, rambut dan kuku ibu bapa Nurin Jazlin Jazimin, 8, disahkan sama dengan DNA mayat seorang kanak-kanak perempuan yang ditemui dalam sebuah beg pakaian di Petaling Jaya Isnin lalu.

Pengarah HKL, Datuk Dr. Zaininah Mohd. Zain berkata, bukti yang diperoleh daripada laporan forensik polis itu diperkuatkan lagi dengan rekod pergigian Nurin Jazlin yang diambil di sekolahnya.

Rekod pergigian Nurin Jazlin yang hilang sejak 20 Oktober lalu didapati sama dengan gigi mayat tersebut.

Menurutnya, HKL mengambil inisiatif memeriksa rekod pergigian kanak-kanak tersebut selepas timbul keraguan berikutan ibu bapa Nurin Jazlin sendiri menafikan mayat itu adalah Nurin Jazlin dalam sesi pengecaman mayat yang dibuat di HKL.

“Walaupun keputusan sampel gigi itu tidak terlalu kuat seperti DNA, sekurang-kurangnya ia memberi bukti tambahan selain laporan DNA yang baru diperoleh,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Satu artikel mengenai DNA oleh American Association of Blood Bank (AABB) menyebut DNA merupakan kod genetik yang terdapat dalam sel tubuh manusia.

Di Malaysia sebelum ini keputusan DNA pernah diragui oleh keluarga penyanyi kumpulan Spoon, Sabiul Malik atau Along pada Januari 2000.

Ujian DNA ke atas rangka manusia yang ditemui dalam gaung di Kilometer 22.8 Jalan Hulu Langat-Kuala Klawang pada 6 Januari 2000 mengesahkan ia adalah Along.

Bagaimanapun, bapa Along, Tengku Shafiee Yusof yang diberitahu mengenai keputusan tersebut ketika itu enggan menuntut mayat berkenaan bagi dikebumikan kerana percaya “Along masih hidup.”

Pada 17 Jun 2003, misteri kehilangan penganalisis teknologi maklumat, Canny Ong Lay Kian, 29, terjawab apabila ujian DNA mengesahkan mayat wanita rentung yang ditemui di dalam longkang Lebuh Raya Baru Lembah Klang (NKVE) ialah mayatnya.

Dalam kes pembunuhan kejam Altantuya Shaariibuu, 28, model Mongolia yang dipercayai mati ditembak sebelum mayatnya diletupkan di Empangan Tasik Subang, Puncak Alam, Shah Alam, Selangor pada November tahun lalu, sampel darah daripada enam orang ahli keluarganya telah diambil bagi mengesahkan kesahihan rangka yang ditemui.

Menurut Zaininah, keputusan ujian DNA tepat dan lengkap jika tiada sebarang kerosakan pada sampel.

“Keputusan ujian DNA adalah tepat kecuali terdapat kerosakan pada sampel ujian itu.

“Selagi tidak ada kerosakan pada sampel itu peratusan kesahihan itu adalah tepat,” jelasnya.

Zaininah menambah, HKL mengambil contoh darah ibu bapa Nurin pada Isnin lalu untuk ujian DNA. Ujian itu dibuat oleh Unit Forensik polis selepas mayat kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun ditemui dalam sebuah beg di Petaling Jaya pada hari yang sama.

Beliau berkata, ujian gigi yang dilakukan HKL membuktikan jumlah dan kedudukan gigi Nurin Jazlin tidak ada bezanya dengan mayat yang ditemui di dalam beg itu.

“Keputusan tersebut memberi bukti tambahan kepada HKL setelah kami menerima keputusan DNA mayat itu yang sepadan dengan DNA ibu bapa Nurin Jazlin,” katanya.

Tajuk Artikel : Cam kedua masih tidak meyakinkan

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR 20 Sept. – Ibu bapa kanak-kanak malang, Nurin Jazlin Jazimin, 8, tetap menafikan mayat kanak-kanak yang ditemui dalam sebuah beg pakaian di Petaling Jaya Isnin lalu adalah anak mereka walaupun dipanggil membuat pengecaman mayat kali kedua hari ini.

Sehubungan itu, mereka meminta supaya ujian asid deoksiribonukliek (DNA) dilakukan sekali lagi untuk mengesahkan kesahihan identiti mayat berkenaan.

Sambil menegaskan tidak mempunyai masalah untuk mengenal pasti anaknya yang hilang sejak sebulan lalu, Jazimin Abdul Jalil berkata, mayat kanak-kanak malang itu amat berbeza dengan fizikal Nurin Jazlin.

“Saya ayah Nurin... saya lebih mengenali anak saya daripada orang lain. Dalam hati, saya berkata, mayat itu bukan anak saya.

“Jika polis suruh saya ambil mayat tersebut, saya akan terima... saya akan mandikan dan akan mengebumikannya.

“Tetapi saya hendak polis teruskan usaha mencari Nurin sehingga dia ditemui dalam keadaan selamat,” kata Jazimin kepada pemberita di pekarangan bilik mayat Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini petang ini.

Jazimin yang dipanggil ke HKL untuk membuat pengecaman itu juga berkata, beliau pasti mayat itu bukan anaknya berdasarkan keadaan gigi dan parut Nurin Jazlin.

Parut

Katanya, Nurin Jazlin mempunyai kedudukan gigi yang rapat dan mempunyai parut akibat luka di pangkal paha.

“Takkan saya tidak kenal anak saya sendiri. Gigi Nurin kecil dan rapat tetapi gigi mayat kanak-kanak itu besar serta jarang-jarang,” katanya.

Beliau menambah, rambut anaknya juga halus dan lurus manakala rambut mayat tersebut keriting serta kasar.

"Muka mayat itu pun tidak memiliki wajah orang tempatan seperti Melayu, India mahupun Cina. Saya lihat rupa mayat itu macam warga asing sedangkan anak saya mempunyai wajah Melayu yang senang dikenal pasti.

"Kebiasaannya, walaupun bila kita sudah tidak bernyawa, parut pasti kekal, namun saya dapati tiada kesan parut serupa dengan Nurin Jazlin (pada tubuh kanak-kanak yang mati itu)," katanya.

Isnin lalu, orang ramai dikejutkan dengan penemuan mayat seorang kanak-kanak perempuan dalam sebuah beg pakaian di sebuah premis perniagaan di Jalan PJS 1/48, Taman Petaling Utama, Petaling Jaya dekat sini.

Penemuan mayat itu segera dikaitkan dengan kehilangan Nurin Jazlin yang hilang ketika pergi ke pasar malam dekat rumahnya di Wangsa Maju di sini pada 20 Ogos lalu.

Tajuk Artikel : ECER rapat jurang ekonomi

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh HELMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 20 Sept. – Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang meliputi Terengganu, Kelantan, Pahang dan daerah Mersing di Johor akan merapatkan jurang pertumbuhan ekonomi antara negeri-negeri itu dengan kawasan Pantai Barat Semenanjung.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ECER merupakan satu gagasan yang begitu bermakna kerana ia sejajar dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan negara secara seimbang dan saksama.

"Negeri di Pantai Timur ini, kalau tidak dilakukan suatu usaha yang lebih daripada biasa, kadar pertumbuhan ekonominya mungkin akan lebih rendah berbanding negeri di sebelah Pantai Barat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian projek usaha sama perladangan kelapa sawit di Kalimantan Timur antara Felda dengan firma dari Indonesia, PT Kalpataru Investama di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri mengulas mengenai kesan ekonomi terhadap negeri-negeri di Pantai Timur melalui pelaksanaan ECER yang dijadualkan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hujung bulan depan.

Laporan akhbar hari ini menyebut Presiden dan Ketua Pengawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd. Hassan Merican berkata, sejumlah RM112 bilion akan dilaburkan untuk pembangunan ECER meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor.

Jumlah itu adalah peruntukan dalam tiga Rancangan Malaysia dengan 40 peratus daripadanya digunakan untuk meningkatkan rangkaian pengangkutan dan kemudahan asas yang menjadi penentu penting kepada pertumbuhan pembangunan di wilayah berkenaan.

Sementara itu, ditanya mengenai pembiayaan projek itu yang menelan belanja yang besar, Najib memberitahu, ia akan diperoleh daripada pelabur swasta dan pelaburan asing.

Beliau menjelaskan, Petronas merupakan perancang awal bagi ECER tetapi ia tidak bermakna keseluruhan dana pembangunan wilayah berkenaan bergantung kepada syarikat pengeluar petroleum berkenaan.

Najib menambah, sektor minyak dan gas hanya merupakan salah satu daripada industri yang akan dibangunkan dalam ECER manakala selebihnya akan diumumkan oleh Perdana Menteri kelak.

Menurutnya, Perdana Menteri akan mengumumkan perincian mengenai sasaran jumlah peluang pekerjaan, pelaburan dan pertumbuhan termasuk sektor utama yang akan dibangunkan dalam ECER.

Ditanya mengenai pembangunan membabitkan Kelantan yang diperintah oleh Pas, Najib berkata; "Kita berharap dapat bersefahaman dengan kerajaan negeri dalam hal ini."

Tajuk Artikel : Pegawai polis disyaki kumpul harta haram RM6j disiasat

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 21 September 2007 - Jumaat

PUTRAJAYA 20 Sept. – Seorang lagi pegawai kanan polis di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana disyaki mengumpul harta secara haram dianggarkan bernilai RM6 juta sejak beberapa tahun lalu.

Menurut sumber, pegawai berusia awal 50-an dan sudah berkhidmat lebih 20 tahun lalu itu dipercayai mengumpul kekayaan secara haram ketika bertugas di Pahang dan Johor.

Difahamkan, pegawai terbabit memiliki beberapa buah rumah dan lot tanah yang sebahagian besar terletak di Lembah Klang.

Pegawai terbabit sudah dipanggil memberi keterangan di ibu pejabat BPR di sini.

Bagaimanapun, wartawan yang menunggu di ibu pejabat BPR itu pagi ini gagal menemuinya apabila dia tidak muncul seperti yang dijadualkan.

Difahamkan, ini bukan kali pertama pegawai polis itu disiasat BPR atas kesalahan berkaitan rasuah tetapi dilepaskan kerana tidak cukup bukti.

Pengisytiharan

Sebelum ini, seorang pegawai kanan polis dari Bukit Aman turut disiasat BPR berhubung kesalahan mengumpul harta secara haram. Dia disyaki mempunyai harta bernilai kira-kira RM27 juta.

Pegawai terbabit yang disiasat hari ini menyerahkan dokumen pengisytiharan hartanya kepada BPR Rabu lalu selepas diberikan tempoh selama 30 hari untuk berbuat demikian.

Julai lalu, akhbar melaporkan seorang pegawai kanan polis Bukit Aman disiasat BPR kerana disyaki menyalahgunakan kuasa dan gagal mengisytiharkan harta bernilai kira-kira RM27 juta.

Pegawai berusia 50-an itu turut dikatakan menjadi pengarah sebuah syarikat perladangan dan didakwa memiliki 5,000 saham dalam syarikat berkenaan yang terbabit dalam pembangunan tanah di Sabah yang mendapat bantahan daripada penduduk setempat.

Berikutan itu, pegawai kanan polis berkenaan didakwa menyalahgunakan kuasanya dengan mengeluarkan arahan supaya penduduk terbabit ditangkap.

BPR menjalankan siasatan ke atas pegawai polis itu selepas menerima panggilan telefon daripada seorang individu yang tidak dikenali.

Tajuk Artikel : Tiga anggota polis bantuan maut nahas

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 21 September 2007 - Jumaat

KUANTAN 20 Sept. – Tiga anggota polis bantuan Bank Simpanan Nasional (BSN) maut manakala seorang lagi cedera setelah terbabit dalam kemalangan di Kilometer 43.5, Lebuhraya Karak dekat Bukit Tinggi, Bentong ketika dalam perjalanan menghantar wang tunai RM1 juta ke cawangan bank itu di Raub dan Kuala Lipis hari ini.

Dalam kejadian pada pukul 11 pagi itu, kenderaan pacuan empat roda jenis Toyota Prado yang dipandu Konstabel Che Yusri Yusof, 30, telah terbabas sebelum melanggar pagar besi di sebelah kiri laluan tersebut sehingga mengakibatkan kenderaan itu terbalik serta terseret kira-kira 200 meter.

Ketua Polis Daerah Bentong, Supritendan Mohd. Yusoff Mohamood berkata, tiga anggota yang terbunuh ialah Che Yusri berasal dari Kelantan, Konstabel Rusni Muda, 33, dari Terengganu dan Konstabel Mohd. Soupi Yaacob, 35, dari Kelantan.

Katanya, seorang lagi anggota polis bantuan, Sarjan Khairuddin Zainal Abidin, 38, yang juga berasal dari Kelantan bagaimanapun, terselamat dan hanya mengalami kecederaan ringan.

"Kesemua mangsa yang terbunuh mengalami kecederaan parah di bahagian kepala setelah tercampak keluar dari kenderaan manakala Che Yusri dan Mohd. Soupi meninggal dunia di Hospital Bentong dan Mohd. Rusni mati di tempat kejadian," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Menurutnya, kesemua anggota tersebut sedang membawa wang berkenaan dari Ibu Pejabat Bank Simpanan Nasional (BSN) di Kuala Lumpur untuk dihantar ke bank-bank cawangan di negeri ini.

Bagaimanapun, jelas beliau, wang yang sepatutnya dihantar ke empat buah bank cawangan di Bentong, Lipis dan Raub itu berjaya diselamatkan.

Mohd. Yusoff memberitahu, selain wang, turut berjaya diselamatkan ialah empat senjata api iaitu tiga laras pistol dan sebuah selaras raifal.

"Kesemua wang dan juga senjata api berkenaan telah pun diserahkan kembali kepada Ibu Pejabat BSN," ujarnya.

Beliau berkata, jenazah ketiga-tiga mangsa telah pun dituntut oleh keluarga masing-masing dan akan dikebumikan di kampung halaman mereka.

Tajuk Artikel : RM30 juta tingkat infrastruktur kawasan industri

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh LUKMAN ISMAIL

MELAKA 20 Sept. – Kerajaan negeri membelanjakan sebanyak RM30 juta bagi mempertingkatkan infrastruktur di kawasan industri, sepanjang tahun ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, antara projek yang dilaksanakan ialah menaik taraf jalan raya, menambah dan memperbaharui papan- papan tanda di samping meningkatkan keindahan kawasan terbabit.

"Matlamat kita ialah menyediakan infrastruktur terbaik untuk kawasan industri di negeri ini baik dari segi bekalan elektrik dan air mahupun kemudahan-kemudahan lain.

"Ini bagi memastikan kawasan perindustrian di Melaka setanding dengan kawasan industri yang ada di negara luar seperti Eropah," kata beliau.

Mohd. Ali berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke kilang peranti elektronik Panasonic di Batu Berendam, di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Wira Ahmad Hamzah.

Mohd. Ali berkata, kerajaan negeri juga akan membina pusat khidmat industri di semua kawasan perindustrian terbabit bagi menyediakan kemudahan asas secara pusat sehenti.

"Dengan cara ini, kilang-kilang akan berkongsi perkhidmatan kurier, lojistik, kebersihan dan restoran. Selain itu kita juga dari semasa ke semasa akan memperbaiki jalan raya, perparitan dan tempat letak kereta," katanya.

Sementara itu Mohd. Ali berkata, pihaknya akan menyegerakan pembinaan sekolah antarabangsa bagi membolehkan para pekerja asing membawa keluarga mereka tinggal di negeri ini.

Kata beliau, idea pembinaan sekolah antarabangsa itu telah lama dicetuskan tetapi sehingga kini belum dapat dilaksanakan.

Mengenai Panasonic, Ketua Menteri berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi syarikat dari Jepun itu yang menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa dengan pertumbuhan lima peratus setahun.

“Apa yang penting dengan pertumbuhan yang baik ini syarikat itu dapat mengekalkan kegiatan di sini. Sehingga kini mereka sudah ada kira-kira 2,600 pekerja,” kata beliau.

Tajuk Artikel : Tempoh kurangkan babi dilanjutkan 4 Oktober

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 21 September 2007 - Jumaat

ALOR GAJAH 20 Sept. – Gara-gara tidak mencapai sasaran asal, kerajaan negeri telah melanjutkan tempoh bagi para penternak babi di daerah ini mengurangkan jumlah ternakan mereka sehingga 4 Oktober ini.

Walaupun tempoh 18 hari yang akan berakhir esok telah diberikan supaya penternak mengurangkan sendiri ternakan mereka sebanyak 97,241 ekor berbanding 160,000 yang ada sekarang tetapi sehingga hari ini hanya 23,824 ekor sahaja dikeluarkan.

Justeru, Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Wira Abu Seman Yusop berkata, kerajaan negeri memberi tempoh 12 hari lagi bagi membolehkan ternakan dari kawasan Paya Mengkuang, Bukit Beruang, Man Lok dan Londang dekat sini dikeluarkan.

Beliau berkata, dalam tempoh lanjutan itu, penternak bersetuju untuk menutup kesemua kandang ternakan di Man Lok, Bukit Beruang dan Londang.

“MCA Melaka yang mewakili penternak perlu memastikan penternak melaksanakan janji mereka iaitu menutup ladang di Man Lok, Bukit Beruang dan Londang serta menternak hanya 48,000 ekor di Paya Mengkuang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pengeluaran Babi di Masjid Tanah dekat sini hari ini.

Pada 4 September lalu, kerajaan negeri melalui pelbagai agensi berkaitan telah mengadakan operasi pemusnahan ternakan babi bagi mengurangkan jumlah ternakan tersebut dari 160,000 yang ada kepada 48,000 sahaja.

Operasi tersebut terpaksa dilakukan ekoran sikap para penternak babi terbabit tidak mengendahkan gesaan kerajaan supaya mengurangkan jumlah ternakan kerana berlaku pencemaran udara dan air yang teruk di kawasan terbabit.

Bagaimanapun operasi tersebut ditangguhkan setelah penternak berjanji untuk mengurangkan sendiri ternakan dari lebih 160,000 ekor kepada 48,000 ekor dan mereka diberi tempoh sehingga 21 September ini.

Abu Seman yang juga Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan berkata, mengikut jadual penutupan ladang oleh penternak, sebanyak lima kandang mengandungi 3,007 ekor babi di Man Lok akan ditutup esok.

Menjelang akhir bulan ini, sebanyak lima lagi kandang mengandungi 12,230 ekor babi di Man Lok, Bukit Beruang dan Londang akan ditutup sementara sehingga tamat tempoh sebanyak 15 kandang mengandungi 22,576 ekor babi di Man Lok dan Bukit Beruang akan ditutup.

“Semua kerja-kerja pengurangan babi itu akan dipantau dan kerajaan akan mengesahkan bahawa kandang terbabit ditutup. Jika tidak, kita akan bertindak tegas,” katanya.

Abu Seman berkata, tindakan juga akan diambil terhadap kandang babi di Paya Mengkuang yang dibina tidak mengikut peraturan dan mencemarkan alam sekitar serta menimbulkan bau busuk kepada penduduk sekitarnya.

Tajuk Artikel Pengeluar diminta tingkat pengeluaran minyak masak

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 21 September 2007 - Jumaat

KEPALA BATAS 20 Sept. – Syarikat-syarikat pengeluar minyak masak diminta meningkatkan pengeluaran sebanyak tiga kali ganda dalam bentuk peket bagi memenuhi keperluan pengguna pada musim perayaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Mohd. Shafie Apdal berkata, pemantauan pihaknya mendapati berlaku kekurangan bekalan minyak masak di beberapa negeri ekoran permintaan yang tinggi pada musim perayaan.

“Sebenarnya bekalan minyak masak di negara ini mencukupi cuma bekalan dalam bentuk peket yang berharga RM2.50 berkurangan, jadi saya sudah minta pengeluaran minyak masak dalam bentuk peket ditingkatkan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada 189 mangsa banjir dari kawasan Parlimen Kepala Batas di Dewan Orang Ramai Kampung Rantau Panjang di sini, hari ini.

Mohd. Shafie berkata, kementerian menerima aduan bekalan minyak masak berkurangan di Terengganu, Pahang, Johor dan Sarawak.

Menurutnya, beliau telah berbincang mengenai masalah itu dengan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui yang turut bimbang kemungkinan kekurangan bekalan itu sengaja dilakukan oleh pemborong.

Sementara itu di Yan, Kedah, Mohd. Shafie berkata, KPDNHEP tidak akan melayan sebarang tuntutan penternak untuk menaikkan harga ayam dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, keputusan tersebut muktamad kerana kerajaan tidak mahu rakyat dibebani dengan kenaikan harga barangan khususnya menjelang musim perayaan.

Tajuk Artikel : JPJ tetap buru bas ekspres bermasalah

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh SAIFUL HAIZAN HASAM

SEREMBAN 20 Sept. – Taktik pemandu bas ekspres mengambil penumpang di luar terminal bagi mengelak pemeriksaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) hanya menjerat diri kerana mereka akan tetap diburu berdasarkan segala data yang dikumpul.

Pengarah Penguat Kuasa JPJ, Salim Parlan berkata, bas-bas bermasalah itu sebenarnya telah 'membuka tembelang' sendiri kerana tindakan itu memudahkan pihaknya membuat pengesanan dalam fasa kedua Ops Bersih 2.

Katanya, operasi itu akan dimulakan minggu depan menerusi rondaan di lebuhraya dan jalan-jalan Persekutuan sementara pemeriksaan di terminal bas pula akan diteruskan seperti biasa.

"Sehingga kini hampir 90 peratus bas yang masuk terminal sudah kita 'bersihkan'.

"Untuk fasa kedua yang bermula minggu depan, kita akan gunakan data yang diperolehi daripada 25 terminal bas di seluruh negara.

"Kita sudah tahu siapa pemandu dan pengusahanya, bas yang tak masuk terminal menandakan mereka ada masalah, bas itulah yang kita akan jejak," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa bersama penguat kuasa JPJ yang terlibat dalam Ops Bersih 2 di Terminal 1, di sini malam tadi.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pengangkutan Awam dan Pembangunan Koperasi negeri, Datuk Zakaria Nordin dan Pengarah JPJ Negeri Sembilan, Mohamad A. Bakar.

Salim berkata, JPJ akan mengadakan sekatan jalan raya untuk menahan bas-bas yang mengambil penumpang di luar terminal bagi memastikan saki-baki bas bermasalah dapat dihapuskan.

Katanya, bas yang telah dikenal pasti sudah diperiksa di terminal sewaktu mengambil penumpang pula tidak akan ditahan dalam sekatan itu bagi memastikan kelancaran perjalanannya selain tidak membazirkan sumber tenaga JPJ.

"Di Hentian Puduraya umpamanya, kita dapati masih banyak bas ekspres yang tidak masuk terminal tetapi kita tidak boleh membuat operasi di kawasan sekitarnya kerana ia akan mengakibatkan kesesakan lalu lintas.

"Begitu juga di Kota Bharu yang mempunyai tiga terminal bas ekspres yang terbuka, kita akan adakan sekatan jalan raya di kawasan lain bagi menahan mereka," katanya.

Tajuk Artikel : Cedera kena mercun

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh IRMAN HASHIM

KUALA TERENGGANU 20 Sept. - Empat remaja termasuk seorang yang sedang menduduki peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) cedera di bahagian mata, badan dan kemaluan akibat terkena mercun dalam dua kejadian berasingan di Dungun dan Setiu pada minggu pertama bulan Ramadan ini.

Mohd. Syafiq Mat Jusoh, 12, dari Kampung Bintang, Setiu mengalami kecederaan di mata kiri akibat terkena mercun bola yang dilemparkan seorang rakannya di perkarangan asrama sekolahnya di Setiu, Ahad lepas.

Dalam kejadian terbaru malam tadi, dua remaja berusia 16 dan 17 tahun pula cedera di mata, leher, tangan, paha dan kemaluan ketika bermain mercun buatan sendiri di Kampung Durian Emas, Dungun.

Mohd. Fadhil Mohd. Yasin, 16, bersama Mohd. Shahrul Ramli, 17, dan seorang lagi rakan mereka sedang memasukkan belerang ke dalam botol kaca apabila percikan api dari rokok yang dihisap Mohd. Fadhil dipercayai terkena belerang lalu meletup.

Tiga mangsa kini dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) kerana kecederaan yang dialami agak serius manakala rakan kepada Mohd. Fadhil dan Mohd. Shahrul yang tidak didedahkan namanya hanya menerima rawatan sebagai pesakit luar di Pusat Kesihatan Bandar Al-Muktafi Billah Shah.

Kakak Mohd. Fadhil, Norzakiah Mohd. Yasin, 26, ketika ditemui di HSNZ hari ini berkata, dalam kejadian kira-kira pukul 8 malam itu, adiknya sedang menghisap rokok ketika memasukkan belerang ke dalam botol kaca di sebuah kawasan lapang di kampung itu.

"Akibat letupan itu, mereka bertiga terkena serpihan kaca di mata, leher, tangan, paha dan kemaluan, bagaimanapun hanya Mohd. Fadhil dan Mohd. Shahrul yang mengalami kecederaan agak teruk manakala rakan mereka hanya menerima rawatan pesakit luar," ujarinya.

Norzakiah berkata, kaca yang memasuki tangan kiri, paha dan kemaluan adiknya telah dibersihkan tetapi doktor dijangka melakukan pembedahan kerana pemeriksaan sinar-X mendapati masih terdapat kaca terbenam di dalam kulitnya.

Mohd. Fadhil, kata beliau, tidak lagi bersekolah dan kini bekerja sebagai mekanik sambilan itu

Ibu Mohd. Shahrul, Salbiah Mohd. Arifin, 42, pula berkata, anaknya itu yang merupakan pelajar tingkatan lima di sebuah sekolah di Dungun cedera di mata kanan, leher, tangan dan pehanya akibat letupan belerang tersebut.

"Doktor akan melakukan pemeriksaan lanjut ke atas mata kanan Mohd. Shahrul kerana ia telah tercalar akibat terkena kaca berkenaan," ujarinya.

Dalam pada itu, ibu Mohd. Syafiq, Saripah Ali, 43, berkata, anaknya sedang mengangkat kain di kawasan jemuran asrama kira-kira pukul 6 petang apabila sebiji mercun bola dilemparkan ke arahnya.

"Mercun yang dilempar ke arahnya terkena di bahagian bawah mata kiri menyebabkan matanya cedera," katanya.

Tajuk Artikel : Mayat dalam beg sah mayat Nurin Jazlin

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

PETALING JAYA, 20 Sept (Bernama) -- Polis hari ini mengesahkan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) ke atas mayat kanak-kanak perempuan yang ditemui dalam sebuah beg sukan di Petaling Jaya Utama Isnin lepas adalah Nurin Jazlin Jazimin, 8, yang hilang sejak sebulan lepas.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya ACP Arjunaidi Mohamed berkata ujian darah ke atas mayat dan juga ibu bapa Nurin Jazlin mengesahkan hubungan antara kedua-dua pihak.

Katanya, ibu bapa Nurin Jazlin telah dimaklumkan tengah hari ini mengenai keputusan DNA itu.

Nurin Jazlin, pelajar tahun dua Sekolah Rendah Kebangsaan Desa Setapak dilaporkan hilang pada 20 Ogos setelah keluar bersendirian untuk ke pasar malam yang berhampiran rumahnya di Seksyen 1, Wangsa Maju di sini.

Mayat budak perempuan yang tidak berbaju yang dipercayai menjadi mangsa deraan seks ditemui oleh pemilik lot kedai di Jalan PJS 1 pada pagi Isnin lepas.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, bapa Nurin, Jazimin Abdul Jalil, 33, seorang pemandu teksi enggan menerima keputusan DNA itu bahawa mayat kanak-kanak itu adalah anaknya.

"Saya ayah Nurin... Saya lebih mengenali anak saya dari semua orang. Dalam hati saya berkata mayat itu bukan anak saya.

"Jika polis suruh saya ambil mayat tersebut, saya akan terima, saya akan mandikan dan akan mengebumikannya. Tetapi saya hendak polis teruskan usaha mencari Nurin kerana saya tahu Nurin masih berada di luar sana dalam keadaan selamat," kata Jazimin kepada pemberita di perkarangan bilik mayat Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Jazimin juga berkata beliau pasti mayat itu bukan anaknya berdasarkan keadaan gigi dan parut yang dipunyai oleh Nurin.

Nurin, katanya, mempunyai kedudukan gigi yang rapat dan mempunyai parut akibat luka di pangkal lehernya

Jazimin berkata beliau dimaklumkan mengenai keputusan DNA tersebut pada pukul 12.30 tengah hari oleh polis daerah Petaling Jaya dan diminta datang ke bilik mayat HKL untuk membuat pengecaman semula mayat tersebut.

Sebelum ini, Jazimin dan isterinya Norazian Bistaman, 35, telah dipanggil untuk proses pengecaman di HKL pada Isnin lepas dan tidak mengaku mayat itu anaknya, Nurin berdasarkan kepada keadaan fizikal kanak-kanak yang ditemui itu.

Norazian yang kelihatan sugul ketika ditemui pemberita berkata beliau rela menerima sebarang keputusan

pihak berkuasa.

"Apa lagi yang boleh saya kata. Keputusan DNA menunjukkan itu anak saya. Saya reda dengan kehendak Ilahi.

"Sebagai seorang ibu saya masih berharap bahawa itu bukan anak saya, ibu mana yang sanggup terima kenyataan bahawa anaknya diperkosa dan dibunuh begitu kejam. Hanya Tuhan sahaja tahu perasaan kesedihan yang saya alami," katanya dengan linangan air mata.

Norazian berkata sekiranya Nurin Jazlin selamat ditemui, perayaan Hari Raya Aidil Fitri tahun ini adalah yang paling bermakna dalam hidupnya.

Malah pakaian raya untuk Nurin Jazlin sudahpun dibeli dan "saya tetap akan menunggu kepulangannya," katanya sebak.

Norazian berkata lebih memilukan perasaannya adalah apabila dalam keadaan beliau bersedih dengan kehilangan Nurin, ada pula orang yang tergamak mempermain-mainkan mereka suami isteri dan keluarga dengan membuat panggilan telefon kononnya Nurin Jazlin yang dikenali dengan panggilan "Kak Ngah" ada dalam kawalan mereka.

Menurutnya beliau turut menerima satu panggilan semalam daripada seorang yang tidak dikenali yang memberitahunya Nurin berada dalam penjagaannya.

"Saya dah lemah, dah tidak bersemangat lagi untuk menerima sebarang panggilan yang menyakitkan hati.

"Sekarang ini saya harap Tuhan akan balas (tindakan kejam) pembunuh anak saya supaya setimpal dengan apa yang telah dibuat terhadap Nurin," katanya pilu apabila mengenangkan pelbagai kesengsaraan yang dialami oleh anak perempuannya itu sejak sebulan lepas sebelum mayatnya disumbat di dalam beg.

Mangsa dibunuh 24 jam sebelum mayatnya ditemui dalam beg yang ditinggalkan di tangga premis perniagaan tiga tingkat di kawasan itu.

Bedah siasat ke atas mayat mangsa mendapati pembunuh telah memasukkan timun dan terung ke dalam kemaluan mangsa, menyebabkan rektum mangsa pecah hingga dijangkiti bakteria antara faktor yang menyumbang kepada kematian menyayatkan kanak-kanak itu.

Fizikal kanak-kanak itu yang ditemui mati dengan keadaan "kurus kering" selain dengan pelbagai kesan lebam pada badannya menyebabkan ibu bapa Nurin Jazlin tidak mengenalinya semasa membuat pengecaman pertama kali Isnin lepas.

Imej kanak-kanak itu kemudian disiarkan dalam semua media tempatan, menyaksikan banyak pihak yang bersimpati menawarkan ganjaran wang kepada mereka yang dapat memberikan maklumat hingga tertangkapnya pembunuh kes itu.

Selain media tempatan, media asing turut membuat liputan perkembangan semasa kes itu.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel : bapa Nurin Jazlin setuju buat ujian DNA kedua

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

PETALING JAYA, 20 Sept (Bernama) -- Bapa Nurin Jazlin, Jazimin Abdul Jalil bersetuju untuk melakukan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) kali kedua secepat mungkin bagi membuktikan bahawa mayat kanak-kanak perempuan yang ditemui dalam sebuah beg sukan di Petaling Jaya Utara Isnin lepas, adalah benar-benar mayat anaknya.

Jazimin, 33, berkata keputusan itu dibuat kerana beliau belum yakin dengan hasil keputusan DNA pertama, yang dimaklumkan kepadanya hari ini dan mengesahkan mayat berkenaan adalah Nurin Jazlin yang hilang sejak sebulan lalu.

"Saya akan buat arrangement dengan polis untuk buat ujian DNA yang kedua secepat mungkin. Selepas buat ujian yang kedua itu baru saya boleh bagi keputusan sama ada ya atau tidak untuk mengakui mayat itu adalah mayat Nurin atau tidak," ketika ditemui pemberita di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya malam ini.

Difahamkan, Jazimin berada di IPD untuk menemui Ketua Polis Daerah Petaling Jaya ACP Arjunaidi Mohamed dan melihat sendiri keputusan ujian DNA pertama, yang dilakukan selepas mengemam mayat budak perempuan tidak berbaju, dipercayai turut menjadi mangsa deraan seks yang ditemui oleh pemilik lot kedai di Jalan PJS 1, Isnin lepas.

Jazimin tiba di IPD itu kira-kira pukul 10 malam dan keluar semula kira-kira pukul 11.30 malam, dan menemui pemberita yang berkumpul menunggu beliau.

Ketua Polis Selangor Datuk Khalid Abu Bakar hari ini mencadangkan kepada ibu bapa Nurin Jazlin untuk menjalani ujian DNA kedua setelah mereka enggan mengakui mayat kanak-kanak perempuan yang ditemui itu adalah anak mereka.—BERNAMA

Tajuk Artikel : Penjara Sungai Buloh ikut prosedur lapor kematian kepada keluarga

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Jabatan Penjara telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memaklumkan kepada keluarga mengenai kematian seorang suspek dalam tahanan di Penjara Sungai Buloh dekat sini pada 19 Julai lepas.

Ketua Pengarah Penjara Datuk Mustafa Osman hari ini berkata penjara itu telah mengambil segala tindakan mengikut prosedur untuk memaklumkan kematian Chong Ten See kepada keluarganya.

Beliau menafikan laporan akhbar berbahasa Cina semalam yang melaporkan keluarga Chong mendakwa mereka tidak diberitahu mengenai kematian anak mereka semasa dalam tahanan.

Dalam laporan akhbar itu, bapa suspek tahanan kes bunuh itu mendakwa keluarganya hanya mengetahui kematian anaknya semasa datang untuk melawat anaknya pada 22 Julai lepas.

Beliau kemudian menuntut mayat anaknya dari Hospital Sungai Buloh pada hari yang sama.

Mustafa, dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Kepenjaraan, berkata Chong meninggal dunia pada 19 Julai akibat penyakit "Sepsis DVC" iaitu sejenis jangkitan yang berlaku pada anggota badan termasuk tisu dan saluran darah manusia.

Sebelum itu, katanya, Chong telah menerima rawatan di wad penjara dan juga di Hospital Sungai Buloh.

Katanya sebaik sahaja tahanan itu meninggal dunia, pihak penjara telah menghubungi bapa Chong melalui nombor telefon bimbit yang diperolehi daripada tahanan itu ketika dimasukkan ke penjara pada 20 Okt 2006.

Bagaimanapun, Mustafa berkata panggilan ke nombor berkenaan tidak mendapat jawapan dan pihak penjara telah meminta bantuan Balai Polis Seri Kembangan dekat sini pada hari yang sama untuk mengesan dan memaklumkan berita kematian Chong kepada keluarganya.

Di samping itu, penjara itu juga membuat laporan polis di Balai Polis Desa Jaya dekat sini pada hari yang sama mengenai kematian Chong serta memaklumkan perkara itu kepada Mahkamah Majistret Shah Alam, katanya.

Mustafa berkata Mahkamah Majistret itu telah mengadakan inkuies pada hari yang sama dan mendapati tiada sebarang unsur jenayah dalam kes tersebut.

Katanya selepas inkuies, mayat Chong telah diserahkan kepada Hospital Sungai Buloh bersama alamat dan nombor telefon keluarganya untuk tindakan selanjut.

"Langkah yang diambil itu menunjukkan pihak penjara tidak berniat menyembunyikan apa-apa maklumat dari pihak berkuasa dan juga keluarga subjek," jelasnya.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Talian 999 titik tumpuan perlindungan kanak-kanak, kata Shahrizat

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama polis akan menjadikan talian kecemasan 999 sebagai talian utama bagi mengatasi masalah kanak-kanak hilang, didera ataupun menghadapi sebarang masalah.

Menterinya Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata talian ini adalah talian sementara sebelum satu talian khas kanak-kanak diwujudkan untuk tujuan tersebut.

"Kita berjanji akan melihat semua sistem yang ada pada hari ini supaya jika ada ibu bapa dan masyarakat yang memerlukan bantuan, bolehlah ada satu talian utama untuk mereka membuat aduan mengenai kanak-kanak," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, beliau mempengerusikan mesyuarat berkaitan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah penderaan dan kehilangan kanak-kanak yang turut dihadiri Ketua Polis Negara (KPN) Tan Sri Musa Hassan dan beberapa badan bukan kerajaan di kementerian itu.

Mesyuarat itu diadakan berikutan beberapa kes penderaan dan kehilangan kanak-kanak yang banyak berlaku akhir-akhir ini termasuk kes kehilangan Nurin Jazlin Jazimin.

Shahrizat berkata pihaknya telah berbincang dengan polis untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan talian 999 secepat mungkin bagi memudahkan orang ramai membuat aduan.

Talian bantuan kanak-kanak ini adalah selaras dengan usaha kerajaan mewujudkan polisi perlindungan kanak-kanak yang diwujudkan sebagai salah satu langkah untuk menjadikan Malaysia selamat untuk kanak-kanak.

Selain itu, kementerian itu dan polis akan mengadakan sistem pengesanan di mana setiap mereka yang didakwa kerana kes penderaan kanak-kanak di mahkamah dan sabit kesalahannya akan direkodkan dan diperhatikan.

Beliau berkata ini bagi memastikan mereka tidak mengulangi perkara yang tidak diinginkan itu.

Ditanya mengenai cadangan supaya tindakan mahkamah diambil terhadap ibu bapa yang cuai dalam penjagaan anak-anak mereka, katanya: "Saya dah minta pegawai kebajikan jika mendapat laporan mana-mana ibu bapa cuai, kita tidak akan fikir dua kali untuk membawa mereka ke mahkamah."

Shahrizat berkata kementerian itu juga telah mengadakan pelbagai kursus, program dan modul kekeluargaan bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa dan masyarakat untuk menangani kes penderaan dan kehilangan kanak-kanak.

Bagaimanapun kursus itu tidak memberi makna jika ibu bapa dan masyarakat tidak mengambil berat terhadap perkembangan anak-anak dan aktiviti mereka, katanya.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Amaran angin kencang, laut bergelora peringkat pertama

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Keadaan angin kencang dan laut bergelora yang sedang melanda beberapa buah negeri dijangka berterusan sehingga Ahad ini, menurut Jabatan Meteorologi Malaysia.

Jabatan itu menyatakan bahawa angin kencang Barat dengan kelajuan 40 hingga 50 kmsj kini berlaku di perairan Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Perak utara, Kelantan dan Terengganu.

Angin kencang Barat Daya dengan kelajuan yang sama kini berlaku di sekitar perairan Sabah Barat, Kudat, Sandakan, Palawan, Pulau Layang-Layang dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan ombak mencapai ketinggian 2.5 hingga 3.5 meter.

"Keadaan itu berbahaya kepada bot-bot kecil," menurut kenyataan jabatan itu di sini.

Jabatan itu turut mengeluarkan amaran bahawa aktiviti ribut petir yang berlaku di perairan Sabah Barat dan Sarawak dijangka berterusan sehingga malam ini.

Keadaan seumpama itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 40kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 2.5 meter dan berbahaya kepada bot kecil.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Polis ada petunjuk mengenai pembunuh Nurin - Musa Hassan

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Polis sudah mempunyai petunjuk awal bagi menjejaki suspek dalam pembunuhan kejam Nurin Jazlin Jazimin, 8, yang mayatnya ditemui disumbat dalam sebuah beg sukan pada Isnin lepas dan disahkan hari ini melalui ujian asid deoksiribonukleik (DNA), kata Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan.

Beliau berkata setakat ini polis hanya mengenal pasti seorang sahaja suspek yang terlibat dalam pembunuhan itu.

"Kita tidak dapat memastikan sama ada ia perbuatan pembunuh bersiri atau tidak, tetapi kita ada sedikit maklumat dan petunjuk," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat mengenai isu kanak-kanak di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di sini hari ini.

Ekoran pengesahan mayat Nurin itu, pelbagai kalangan mengutuk perbuatan kejam itu dan mendesak polis supaya segera memburu pembunuh tersebut dan membawanya ke muka pengadilan untuk dihukum.

"Hingga sekarang, kami mengenal pasti hanya seorang yang terlibat dalam kes pembunuhan ini tetapi kita tidak dapat mendedahkan identitinya lagi," kata Musa.

Isnin lepas, mayat budak perempuan tidak berbaju ditemui di dalam sebuah beg sukan di depan sebuah lot kedai di Petaling Jaya Utama.

Hari ini, polis memaklumkan ujian DNA yang menggunakan sampel darah ibu dan bapa Nurin mengesahkan mayat itu adalah anak mereka yang hilang sejak sebulan lepas.

Mengenai keengganan ibu bapa Nurin menerima keputusan ujian DNA itu, Musa berkata ia mungkin disebabkan ibu bapa mangsa masih trauma hingga sukar menerima hakikat itu.

"Saya baru dimaklumkan darah dan DNA mayat kanak-kanak tersebut padan dengan darah ibu bapa Nurin tetapi biarkan kami selesaikan dahulu penyiasatan. "Kami akan jalankan ujian sekali lagi," katanya.

Di SHAH ALAM, Ketua Polis Selangor Datuk Khalid Abu Bakar berkata beliau akan mencadangkan kepada ibu bapa Nurin untuk menjalani ujian DNA kedua setelah mereka berkeras enggan mengakui mayat kanak-kanak perempuan itu sebagai anak mereka.

Sementara itu, Musa berkata polis akan memperluaskan unit yang menumpukan kepada aspek penyiasatan kes kanak-kanak di ibu pejabat polis di Bukit Aman, terutama bagi meningkatkan keupayaan kaunseling.

"Kita telah melatih lebih 40 pegawai polis, terutama teknik mengambil keterangan daripada kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah," katanya sambil menambah kata bahawa kemahiran itu akan dikembangkan ke peringkat negeri.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Kios pintar KWSP kini dibuka di IJN

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah mewujudkan Kios Pintar terbarunya yang ditempatkan di Institut Jantung Negara (IJN) sejak 6 Julai lepas bagi membolehkan pencarum mendapatkan penyata akaun mereka dengan cepat.

Ketua Bahagian Perkhidmatan KWSP Hizwani Hassan berkata usahasama KWSP dan IJN itu bertujuan memudahkan pencarum KWSP yang ingin membuat Pengeluaran Kesihatan bagi menampung kos perubatan mereka.

"Kios Pintar ini membolehkan ahli menyemak akaun mereka tanpa perlu hadir ke pejabat KWSP," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Hizwani berkata sejak dilancarkan, sejumlah 2,087 penyata akaun telah dicetak melalui Kios Pintar di IJN.

Menggunakan teknologi cip pintar MyKad, Kios Pintar itu membolehkan pencarum mendapatkan penyata akaun mereka dalam tempoh kurang seminit, jika cap jari ahli dan maklumat dalam MyKad berpadanan, katanya.

"Sistem layan diri di Kios Pintar juga terbukti berkesan dan menjimatkan masa kerana ahli tidak perlu beratur di kaunter perkhidmatan KWSP," katanya.

Hizwani berkata setakat ini sebanyak 75 Kios Pintar telah beroperasi di 44 cawangan KWSP di seluruh negara dan bilangan itu akan bertambah selaras dengan peningkatan penggunaannya.

Beliau berkata sepanjang enam bulan pertama tahun ini, jumlah pencarum yang menggunakan Kios Pintar telah meningkat kepada 1.7 juta, naik lebih 11 kali ganda berbanding 140,000 pada tempoh yang sama tahun lepas.

"Kios pintar ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli KWSP berdasarkan bilangan pengguna yang meningkat secara mendadak. Ini dengan jelas membuktikan keberkesanan strategi KWSP menyerapkan penggunaan ICT dalam penyampaian perkhidmatannya," katanya.

Kios Pintar itu merupakan satu lagi alternatif bagi membantu pencarum mendapatkan perkhidmatan KWSP dengan mudah, kata Hizwani yang menambah jumlah kios itu akan ditambah di beberapa lokasi strategik lain dari semasa ke semasa.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Sesiapa laukukan jenayah, sedia hadapi tindakan undang-undang, kata KPN

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Penahanan seorang warga Indonesia berhubung satu dakwaan kes rogol rakan senegara di Perak menunjukkan bahawa polis tidak mengira siapa, apabila melaksana dan menegakkan keadilan.

Ketua Polis Negara (KPN) Tan Sri Musa Hassan berkata tindakan segera Polis Perak berjaya membawa kepada penahanan suspek di sebuah rumah kongsi berhampiran tapak pembinaan di Liman Kati, Kuala Kangsar.

Suspek yang berusia dalam sekitar 40-an dipercayai telah memperdaya seorang wartawan majalah Indonesia untuk dipercayai bahawa dia boleh membantunya mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi laporan khas wartawan wanita berkenaan.

Sebaliknya, lelaki berkenaan mengumpam wanita berumur 34 tahun itu ke rumah kongsi yang didiaminya pada Isnin, di mana suspek dikatakan merogol wanita itu.

Musa memberitahu Bernama: "Sesiapa yang melakukan jenayah, mesti menghadapi undang-undang. Apatah lagi, suspek dipercayai menyamar (sebagai rakyat Malaysia) sebelum merogol wanita itu."

"Ini menunjukkan bahawa kami (anggota polis) sentiasa bersedia bertindak untuk menyelesaikan jenayah."

Sementara itu, Setiausaha Pertama Penerangan Kedutaan Indonesia Eka Surrito berkata kes terbabit akan dibicarakan mengikut undang-undang di Malaysia.

Eka berkata hukuman perlu ditegakkan di mana kejadian itu berlaku dan terpulang kepada pihak kehakiman menentukan bentuk hukuman yang perlu dikenakan sekiranya terbukti kesalahan dilakukan.

"Buat masa ini wanita itu berada di Konsulat Indonesia di Pulau Pinang sementara kes itu disiasat oleh polis Malaysia," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Dalam kejadian Isnin lepas, wanita berusia 34 tahun yang bertugas sebagai wartawan sebuah majalah berpangkalan di Wilayah Kalimantan telah dirogol rakan senegara sebelum diselamatkan polis dalam satu serbuan di sebuah tapak pembinaan di Liman Kati, Kuala Kangsar.

Wanita itu tiba di sini Ahad lepas untuk membuat laporan khas mengenai isu penderaan dan penindasan pekerja republik berkenaan di negara ini.

Suspek berusia 40-an yang dikatakan memperdaya wartawan itu dengan berjanji akan membantu memberikan maklumat telah ditahan untuk membantu siasatan.

Eka berkata wanita itu akan terus berada di Malaysia memandangkan pihak polis masih mengumpulkan bukti.

Beliau turut menasihatkan sekiranya ada wartawan yang berhasrat untuk membuat laporan di Malaysia agar memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak kedutaan untuk mengelakkan perkara buruk berlaku.

"Saya juga menyeru semua warga Indonesia yang berada di sini supaya mematuhi semua peraturan dan menjadi tamu yang baik ketika berada di negeri orang," katanya.

Wakil Konsulat Indonesia di Pulau Pinang Bapak Moenir ketika dihubungi, mengesahkan yang wanita itu kini dalam pengawasan mereka dan berkeadaan baik.

"Dia baik sahaja cuma terdapat kesan luka dan baru sahaja sedar tengah hari ini sejak tiba malam tadi.

"Kami belum lagi dapat berbicara lanjut dengannya disebabkan itu kami belum dapat butiran lanjut latar belakangnya bagi membolehkan kejadian ini dimaklumkan kepada keluarganya," katanya.

Sementara itu di IPOH, Ketua Polis Perak Datuk Zulkefli Abdullah berkata kenyataan rasmi mengenai perkembangan kes itu akan dikeluarkan esok memandangkan polis masih mengumpulkan keterangan bukti.

"Kita masih mengumpulkan fakta daripada pelbagai aspek bagi memastikan kes tersebut dapat diselesaikan dengan segera," katanya.—BERNAMA

Tajuk Artikel : Orang ramai desak supaya pembunuh Nurin segera diburu

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Pelbagai pihak melahirkan rasa marah dan geram ekoran pengesahan bahawa mayat yang ditemui dalam sebuah beg di Petaling Jaya Utama pada Isnin lepas adalah Nurin Jazlin Jazimin, 8, yang hilang sejak sebulan lalu.

Sambil mengutuk keras perbuatan tidak berpersi kemanusiaan itu, mereka mendesak supaya polis segera memburu penjenayah yang disifatkan sebagai binatang dan dikenakan hukuman setimpal.

Timbalan Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Syed Anuar Syed Mohamad berkata beliau terkejut dengan penemuan itu dan tidak dapat membayangkan ada manusia yang sanggup berlaku sebegitu kejam terhadap seorang kanak-kanak.

"Kita (GPMS) berharap polis menyiasat dengan terperinci sehingga ke akar umbi serta mengambil tindakan tegas terhadap pembunuh itu dengan segera," katanya kepada Bernama hari ini.

Polis hari ini mengesahkan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) terhadap mayat dalam beg itu mendapati mayat berkenaan adalah Nurin Jazlin, berdasarkan ujian darah ibu bapanya.

Bagaimanapun, bapa Nurin, Jazimin Abdul Jalil, 33, tidak dapat menerima kenyataan itu dan percaya bahawa anaknya masih selamat.

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mengutuk perbuatan pembunuh itu bagaikan perbuatan haiwan bertopengkan manusia.

"Semua pihak harus bekerjasama membantu polis untuk memastikan penjenayah seperti ini tidak lagi berada di kawasan kejiranan kita," kata Pegawai Komunikasi dan Perhubungan Awamnya Noor Nirwandy Mat Nordin.

Beliau menyarankan semua masjid dan surau di seluruh negara mengadakan solat sunat hajat selepas solat tarawih bagi mendoakan agar pembunuh Nurin segera diberkas.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) Anuar Ibrahim berkata pihaknya kesal kejadian seumpama boleh berlaku kepada seorang kanak-kanak secomel Nurin.

Sambil menyatakan kebimbangan pembunuhan kejam sebegini semakin kerap berlaku membabitkan kanak-kanak, beliau mencadangkan agar sistem pendidikan negara bertumpu ke arah memupuk sifat kasih sayang, ambil berat dan perihatin dalam kalangan rakyat.

Ini lebih-lebih lagi, katanya kerana keadaan sekeliling sudah tidak selamat kerana wujud individu tidak bertanggungjawab yang sentiasa menunggu kesempatan untuk melakukan jenayah.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) Shamsul Anuar Nasarah merakamkan ucapan takziah kepada ibu bapa Nurin dan berharap mereka bersabar serta menerima dugaan ini dengan tabah.

"Kita mahukan polis memburu manusia berhati binatang ini segera dan beri hukuman setimpal mengikut undang-undang sebagai pengajaran," katanya.

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) Datuk Che Mat Che Ali berkata Jawi akan meminta semua masjid dan surau di seluruh negara mengadakan solat sunat hajat bagi mendoakan kes ini diselesaikan segera dan pembunuh Allahyarham Nurin ditangkap dan dikenakan hukuman setimpal.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Keselamatan ubat tradisional dibincang November ini

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Ubat-ubatan herba, khususnya dari Malaysia, akan mendapat pendedahan lebih meluas apabila isu berkaitan kualiti dan keselamatannya dibincangkan pada Persidangan Kesihatan dan Perubatan Tradisional Wanita Asia Ketiga di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini November ini.

Antara pihak yang dijangka menyertai persidangan tiga hari yang bermula pada 16 Nov itu ialah Pentadbiran Makanan dan Dadah Amerika (FDA), Majlis Penyelidikan Sainifik dan Industri India dan Institut Perubatan Integratif India, kata jurucakap penganjur hari ini.

FDA akan diwakili Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Produk Semula Jadi Nasional Amerika Prof Ikhlash Khan, yang akan menyentuh tentang keselamatan dan kualiti ubat-ubatan herba.

Jurucakap itu berkata penyertaan India amat penting memandangkan Majlis Penyelidikan Sainifik dan Industri India merupakan sebuah pertubuhan penyelidikan kerajaan negara itu yang mewakili kira-kira 10,000 saintis, manakala Institut Perubatan Integratif India pula merupakan satu-satunya badan di India yang mendapat kelulusan FDA untuk menjalankan kajian berkaitan manusia dan tumbuh-tumbuhan.

Persidangan itu yang bertemakan "Ke Arah Perubatan dan Penjagaan Kesihatan Secara Lestari", dianjurkan

dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Antara penceramah terkemuka yang akan berucap pada persidangan itu ialah Prof Datuk Dzulkifli Abdul Razak (Naib Canselor USM), Dr Joerg Gruenwald (Presiden Analyze and Realize Germany), Dr G.N. Qazi (Pengarah Insitut Perubatan Integratif India) dan Prof Geoffrey A. Cordell (Pengarah Pusat Reka Bentuk, Penyelidikan dan Penerokaan Lanjutan (CADRE) dari Amerika.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : JPN umum peraturan baru tukar alamat pada kad pengenalan

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Orang ramai yang ingin menukar alamat pada kad pengenalan atau mengemaskini alamat dalam cip perlu menggunakan borang Pertukaran Alamat-Lampiran 1 yang boleh didapati di pejabat-pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), kata Ketua Pengarah JPN Datuk Mohd Abdul Halim Muhammad.

Mengikut peraturan baru yang berkuatkuasa mulai Jumaat lepas, pemohon perlu menyertakan bersama dokumen sokongan seperti bil elektrik, bil air, cukai pintu, cukai taksiran atau seumpamanya atas nama pemohon atau suami isteri yang membuktikan mereka tinggal di premis itu, sebagai bukti alamat baru.

Pelaksanaan peraturan baru ini adalah bagi memastikan "penukaran alamat dibuat berdasarkan keterangan yang sah dan tidak disalahgunakan untuk tujuan tertentu," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Bagi pemohon yang tidak dapat mengemukakan dokumen sokongan, mereka boleh mengemukakan surat pengesahan daripada penghulu, ketua kampung atau majikan bagi menyokong permohonan yang dibuat.

Malah JPN akan menerima dokumen sokongan atas nama ibu bapa atau adik beradik bagi pemohon yang masih tinggal bersama ibu bapa atau adik beradik mereka, katanya.

Mohd Abdul Halim berkata alamat yang akan digunakan pada kad pengenalan hendaklah alamat tempat tinggal tetap di Malaysia dan bukannya alamat tempat bekerja, pejabat, organisasi atau alamat yang menggunakan peti surat atau P.O.Box.

Bagi permohonan pertukaran alamat yang melibatkan gantian kad pengenalan, beliau berkata dokumen sementara KPPK09 atau KPPK11 boleh dikeluarkan kepada pemohon, manakala bagi permohonan mengemaskini alamat di dalam cip kad pengenalan, cetakan maklumat cip akan dikeluarkan kepada pemohon selepas cip selesai dikemaskini. -- BERNAMA

Tajuk Artikel : Pasar lengang, pengguna e=memboikot?

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Gerai ayam di pasar-pasar di sekitar ibu negara lengang hari ini dan para peniaga ayam tidak menolak kemungkinan para pengguna memboikot daging ayam berikutan harganya yang semakin meningkat akhir-akhir ini.

Tinjauan Bernama di Pasar Chow Kit dan Pasar Keramat antara pukul 11 pagi dan tengah hari ini mendapati penjualan ayam kurang aktif berbanding beberapa hari sebelum ini.

Walaupun harga ayam dijual mengikut harga siling RM6 sekilogram, seperti yang ditetapkan oleh kerajaan, tetapi didapati masih banyak ayam yang tidak laku menjelang tengah hari.

Peniaga ayam di Pasar Keramat, Ishnin Shuaidi, 50, berkata jualannya hari ini berkurangan daripada semalam walaupun beliau menjual pada harga siling.

"Saya rasa pengguna seakan memboikot kami," katanya kepada Bernama di sini hari ini, dan menambah bahawa beliau hanya dapat menjual 100 ekor ayam daripada 200 ekor yang diterimanya daripada pembekal hari ini, berbanding jualannya pada hari minggu sebanyak kira-kira 400 ekor.

Seorang lagi peniaga ayam, Mohd Noor Rizal, 45, berkata pengguna kurang membeli ayam kini mungkin untuk menjimatkan belanja bagi persiapan Hari Raya.

"Mungkin ibu bapa beli pakaian dan kelengkapan menjelang Hari Raya menyebabkan pasar tidak dikunjungi ramai," katanya.

Gerai-gerai ayam di Pasar Chow Kit juga didapati lengang antara waktu tengah hari dan awal petang ini.

Shaharuddin Ahmad, 34, peniaga ayam di situ berkata: "Pelanggan mungkin sudah muak dengan ayam dan kami hairan walaupun harga dah turun, pelanggan tetap tidak mahu beli ayam."

Azman Abdul Rahman, 38, pula berkata kemungkinan bekalan ayam akan semakin berkurangan menjelang Hari Raya berikutan kurangnya penjualan ayam.

Sementara itu, seorang pengguna Mohd Noor Hashim, 56, dari Kampung Pandan berkata beliau jarang membeli ayam sejak harga ayam melambung tinggi dan lebih suka membeli ikan dan sayur sebagai hidangan berbuka puasa.

Seorang lagi pengguna, Fatimah Abdullah, 60, dari Subang berkata anak-anaknya yang dahulu selalu membeli ayam, kini sudah jarang membelinya sejak harga ayam naik.

Di LANGKAWI, keadaannya pula terbalik apabila lapan peniaga ayam di Pasar Awam Kuah mengambil tindakan memboikot dengan tidak menjalankan perniagaan seperti biasa hari ini.

"Kami terpaksa berbuat demikian kerana mengalami kerugian, harga tolak RM5.90 manakala jualan mengikut harga siling RM6", kata Pengerusi Persatuan Peniaga Ayam Kuah Ahmad Azmudin Taib kepada Bernama.

Katanya, harga ayam di Langkawi sepatutnya lebih mahal dari tanah besar kerana semua barang yang hendak masuk ke Langkawi terpaksa menggunakan pengangkutan laut atau udara.

Ahmad Azmudin berkata, kos pengangkutan tinggi antara sebab harga ayam meningkat yang turut dialami oleh pemborong.

Tinjauan Bernama mendapati orang ramai dan pengusaha kedai makanan menghadapi masalah kerana ketiadaan ayam di Pasar Awam Kuah, malahan peniaga sayuran turut terjejas dengan keadaan itu.

Penjual sayur Zulkifli Jaafar, 40, berkata jualannya berkurangan jika dibandingkan dengan beberapa hari lepas kerana minat orang ramai untuk berkunjung ke pasar itu berkurangan berikutan peniaga ayam tidak menjalankan perniagaan.

Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Kuah Datuk Nawawi Ahmad turut melawat dan mendengar keluhan para peniaga berkenaan dan berjanji akan berusaha mengatasi masalah mereka secepat mungkin.

"Semua maklumat dan keluhan itu akan dibawa untuk pengetahuan kerajaan bagi menyelesaikan masalah peniaga", katanya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Tenaga, Alam Sekitar, Penerangan dan ICT Kedah.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : LPKP jamin bas balik raya mencukupi

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Syed Azwan Syed Ali

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) memberi jaminan bahawa jumlah bas yang akan beroperasi pada musim perayaan Aidilfitri bulan depan mencukupi, kata pengerusinya Datuk Markiman Kobiran hari ini.

Beliau berkata LPKP menerima respon positif daripada pengusaha bas ekspres, bas sekolah, bas henti-henti dan bas sewa khas untuk menyediakan 5,300 bas menjelang musim perayaan tiga minggu lagi.

Katanya, jumlah itu merangkumi 4,300 bas ekspres dan 1,000 bas tambahan.

"Saya rasa kita tidak ada masalah untuk menyediakan bas yang mencukupi bagi menampung keperluan penumpang semasa cuti raya ini kecuali ada cubaan sabotaj," katanya kepada Bernama bagi mengulas mengenai perkhidmatan bas pada musim perayaan.

Presiden Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Malaysia, Chee Ah Tey dilaporkan berkata pelaksanaan syarat permit Lesen Perubahan Sementara (LPS), yang hanya membenarkan bas berusia 12 tahun ke bawah untuk beroperasi mungkin menyebabkan bilangan bas tidak mencukupi pada musim perayaan.

Bagaimanapun, Markiman berkata kesediaan persatuan itu untuk menyediakan 50 bas sekolah yang memenuhi syarat sebagai bas tambahan sebenarnya melebihi jangkaan awal LPKP untuk mendapatkan khidmat 20 bas sekolah sebagai bas tambahan.

LPKP akan mengeluarkan 1,000 permit LPS kepada syarikat bas bagi menampung keperluan orang ramai pada musim perayaan.

Pemberian LPS itu adalah berdasarkan kepada syarat ketat iaitu bas berusia kurang 12 tahun, mempunyai insurans, lulus pemeriksaan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom), mempunyai pemandu kedua bagi perjalanan melebihi 300 kilometer dan tempat pelepasan di terminal bas ekspres.

"Kita juga telah bekerjasama dengan operator bas Transnasional dan Rapid KL untuk menyediakan bas tambahan. Transnasional dijangka dapat menyediakan antara 300 hingga 350 bas tambahan.

"Rapid KL pula dijangka menyediakan 150 bas yang sesuai dan beroperasi bagi perjalanan jarak dekat seperti dari KL ke Ipoh, KL-Melaka dan KL-Pontian," kata beliau.

Beliau berkata keputusan untuk menambah jumlah permit LPS kepada 1,000 daripada 700 permit bagi tempoh sama pada tahun lepas diambil, setelah faktor kekurangan pemandu dan bas ekspres ekoran pelaksanaan syarat baru dan operasi bersih yang dijalankan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) diambil kira.

"LPKP tidak berkompromi dalam soal keselamatan. Kita tidak mahu insiden 13 Ogos lepas berulang pada musim perayaan dan masa akan datang," katanya merujuk kepada kejadian nahas bas di Bukit Gantang, Perak, yang mengorbankan 22 nyawa.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pemandu Bas Melayu Semenanjung Malaysia (PPBMS) Mohd Yasin Yacob dilaporkan berkata tindakan tegas JPJ melalui operasi pembersihan dikhuatiri akan mengurangkan jumlah pemandu dan memaksa pemandu yang tinggal dikerah bekerja lebih masa oleh majikan mereka.

Beliau berkata keadaan itu juga dikhuatiri mendorong pemandu menggunakan bahan terlarang seperti dadah untuk bertugas, sekaligus meningkatkan lagi risiko kemalangan berlaku.

Mengulas kenyataan Yasin, Markiman berkata pengusaha bas sepatutnya menjalankan tanggungjawab mereka untuk menguruskan jadual dan pemandu mengikut pertimbangan masing-masing.

"Takkanlah semua perkara LPKP nak kena buat. Ini tanggungjawab operator bas terbabit. Operator juga ada obligasi mereka sendiri, masakan hanya tahu hendak buat duit sahaja, soal pemandu dan operasi kerja mereka. "Saya juga ingin meminta kerjasama daripada pihak penguatkuasa seperti polis dan JPJ, menjalankan penguatkuasaan secara berterusan demi kebaikan kita semua," katanya.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Jeanne sedih dengan jenayah terhadap kanak-kanak

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

PUTRAJAYA, 20 Sept (Bernama) -- Datin Seri Jeanne Abdullah hari ini melahirkan kesedihannya dengan beberapa kejadian jenayah ke atas kanak-kanak oleh orang-orang yang tidak berhati perut sebagaimana ditonjolkan oleh media kebelakangan ini.

Satu-satunya nasihat yang diberikan oleh isteri Perdana Menteri itu kepada masyarakat Malaysia ialah: "Sayangi anak-anak anda dan lindungi mereka daripada orang-orang ini".

"Semua ibu bapa menyayangi anak-anak mereka. Saya yakin tidak ada ibu bapa yang mahu ini (jenayah) berlaku kepada anak-anak. Sukar untuk menyatakan apa nasihat yang harus diberi, tapi saya fikir kita mesti menyayangi anak-anak kita. Kita tidak tahu apa boleh terjadi pada mereka," kata beliau bila ditanya

pemberita tentang beberapa kejadian jenayah terhadap kanak-kanak akhir-akhir ini.

Terdahulu, Jeanne menyerahkan hadiah Hari Raya kepada 450 kakitangan sokongan dan ibu tunggal Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di sini.

Baru-baru ini seorang pelajar darjah dua Sekolah Rendah Kebangsaan Desa Setapak, Nurin Jazlin, 8, dilaporkan hilang selepas pergi bersendirian ke pasar malam dekat rumahnya di Seksyen 1 di Wangsa Maju.

Hari ini, polis menyatakan ujian DNA ke atas mayat budak perempuan yang disumbat dalam beg sukan di sebuah rumah kedai di Petaling Jaya Utama Isnin lalu mengesahkan ia adalah Nurin Jazlin Jazimin yang hilang sejak sebulan lalu.

Mayat itu dalam keadaan bogel, dipercayai telah diseksa secara seksual, dijumpai oleh tuan punya kedai tersebut.—BERNAMA

Tajuk Artikel : Pengguna perindustrian disiasat salahguna minyak masak yang diberi subsidi

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

MIRI, 20 Sept (Bernama) -- Lembaga Minyak Masak Malaysia (MPOB) akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menyasat kemungkinan minyak masak yang diberikan subsidi digunakan untuk tujuan perindustrian yang boleh menjejaskan bekalan secara runcit.

Ketua Wilayah MPOB Sarawak, Sulim Lumong berkata kemungkinan perkara ini berlaku berikutan dakwaan bahawa peruncit kehabisan bekalan untuk pakej lima kilogram yang diberikan subsidi yang pada kebiasaannya pengguna memilih minyak masak kurang dari berat itu.

"Jika pakej lima kilogram dijual dengan laris mungkin ia telah digunakan untuk tujuan perindustrian dan ini membimbangkan saya," katanya pada persidangan akhbar bersama dengan Timbalan Pengarah Penguatkuasaan kementerian itu Mohd Rosik Yaakub selepas bermesyuarat dengan pemborong minyak masak di sini hari ini.

Mesyuarat itu diadakan sebagai sebahagian daripada tindakan yang diambil oleh MPOB dan kementerian tersebut untuk mengenalpasti masalah sebenar kekurangan bekalan minyak masak kebelakangan ini.

Beliau memberi amaran kepada pemborong bahawa kuota bekalan minyak masak yang diberikan subsidi dengan harga RM1.75 sekilogram di sini, boleh ditarik balik jika mereka didapati menjual barangan itu kepada pengguna perindustrian.

Beliau menambah bahawa MPOB mencatatkan bekalan kira-kira 310 tan metrik minyak masak di sini setiap bulan dan jumlah itu dianggap mencukupi untuk memenuhi permintaan pengguna di bahagian tersebut.

Mohd Rosik menjelaskan bahawa pengguna perindustrian ialah mereka yang menggunakan minyak masak dengan banyaknya untuk tujuan perniagaan seperti restoran atau pengusaha tempat makanan segera dan

pembuat makanan yang tidak layak menikmati kemudahan subsidi ini dan hanya dibenarkan memperoleh minimum pakej 17 kilogram daripada pemborong.

Beliau berkata sejak itu ia menjadi kesalahan bagi pemborong menjual minyak masak dengan harga subsidi kepada pengguna perindustrian yang boleh didakwa di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang membawa hukuman denda maksimum RM25,000 atau lima tahun penjara atau kedua-dua.

Mengenai mesyuarat dengan pemborong, katanya maklumbalas yang diterima mendapati bekalan minyak masak terjejas di sini disebabkan masalah rantaian pengedaran antara pemborong dan pembuat, dan tidak ada kaitan dengan kuota yang tidak mencukupi untuk kegunaan domestik di sini.

Menurutnya kedatangan rakyat Brunei untuk membeli minyak masak itu dengan banyaknya di sini juga merupakan antara faktor yang menyebabkan dakwaan kekurangan bekalan.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Pengeluar diminta gandakan keluaran minyak masak dalam paket di musim perayaan

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KEPALA BATAS, 20 Sept (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal hari ini meminta pengguna supaya tidak bimbang kerana bekalan minyak masak mencukupi untuk menampung keperluan musim perayaan.

Beliau berkata bekalan minyak masak di negara ini bukannya tidak mencukupi tetapi kerana permintaan yang tinggi, bekalan minyak masak dalam paket di pasaran berkurangan.

Sehubungan itu, beliau meminta pengeluar supaya melipatgandakan pengeluaran minyak masak dalam paket dalam tempoh sehari dua ini bagi memenuhi keperluan pengguna pada musim perayaan ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan kepada 189 mangsa banjir di kawasan Penaga dan Pinang Tunggal di sini, Shafie berkata beliau telah menghubungi Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Peter Chin supaya memaklumkan perkara itu kepada para pengeluar minyak masak di negara ini.

"Permintaan bagi minyak masak dalam paket meningkat dalam bulan Ramadan kerana pengguna banyak memasak dan kita yakin kekurangan ini dapat diatasi dalam masa beberapa hari lagi," katanya.

Shafie berkata beberapa negeri dilaporkan mengalami kekurangan bekalan minyak masak dalam paket ketika ini iaitu Terengganu, Pahang, Johor dan Sarawak.

Akhbar hari ini melaporkan bekalan minyak masak paket sekilogram terputus di beberapa kawasan di Pantai Timur dan Selatan tanah air.

Mengenai dakwaan pengguna berlaku kenaikan pada harga tepung gandum, beliau menjelaskan bahawa bahan itu merupakan antara barangan kawalan yang ditetapkan harga silingnya.

Katanya tepung gandum untuk kegunaan umum kekal pada harga RM1.35 sekilogram.

Bagaimanapun, kerajaan tidak mengawal harga tepung bukan untuk kegunaan umum yang dicampur dengan bijirin lain dan diperkaya dengan vitamin, katanya.

"Kita sebenarnya memberi pilihan kepada pengguna untuk memilih tepung yang mana satu yang mereka mahu dan pengguna jangan keliru mengenai kedua-dua tepung ini. Mungkin ada yang tidak faham dan menyangka semua tepung itu sama harganya," katanya.

Selepas menyampaikan bantuan banjir itu, Shafie kemudiannya meninjau harga barang di pasar raya besar Carrefour di Seberang Jaya.—BERNAMA

Tajuk Artikel : Menyelami isu kenaikan harga ayam daging

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Zuriati Zulmi

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Setiap kali menjelang musim perayaan, isu kenaikan harga ayam daging heboh diperkatakan dan ia selalunya dipandang serius oleh pihak kerajaan.

Peniaga, pemborong dan penternak sering meminta untuk menaikkan harganya dengan alasan kos pengeluaran dan kos-kos lain seperti kos pengangkutan, sewaan dan penyelenggaraan semakin meningkat setiap tahun selain bekalan yang sering tidak mencukupi.

Sekiranya kenaikan harga ayam, yang merupakan barang kawalan harga, dibenarkan oleh kerajaan, pengguna pula dibebankan dengan harga yang tinggi terutama di kalangan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Demi menjaga kebajikan kedua-dua golongan peniaga dan pengguna, kerajaan, menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN&HEP), baru-baru ini bersetuju meluluskan kenaikan harga siling ayam kepada RM6 sekilogram daripada RM5.60, satu kenaikan kecil yang dianggap banyak pihak sebagai tidak membebankan pengguna tetapi pada masa yang sama menjaga kepentingan peniaga.

Antara alasan bagi kenaikan itu ialah kos pengeluaran yang meningkat disebabkan harga makanan ayam yang meningkat.

Menurut para penternak, syarikat-syarikat pengeluar bahan makanan ayam pula menaikkan harga bahan itu kerana peningkatan harga jagung, bahan asas untuk menghasilkan makanan ayam, di pasaran dunia.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Zulkifli Idrus berkata negara tidak dapat mengelak daripada mengimport bahan makanan ayam yang dibuat daripada jagung dan soya kerana bekalannya tidak terdapat di dalam negara.

Katanya bahan asas yang diproses menjadi makanan ayam ternakan itu terdiri daripada jagung ternakan (jagung yang ditanam khusus sebagai makanan haiwan ternakan) dan soya yang diperolehi dari beberapa negara seperti Amerika Syarikat, China dan Australia.

"Lebih 60 peratus daripada kandungan bahan makanan ayam itu terdiri daripada jagung ternakan. Jagung

ternakan dan soya pula tidak sesuai ditanam di negara kita. Mahu tidak mahu, kita terpaksa mendapatkan bekalan dari luar," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Beliau berkata kenaikan harga jagung ternakan ini juga berkemungkinan disebabkan oleh permintaan bahan itu bagi menghasilkan etanol, sejenis cecair bahan api yang terhasil daripada proses penyulingan bahan tanaman seperti jagung.

"Di Amerika Syarikat, permintaan terhadap jagung ternakan itu meningkat untuk dijadikan bahan bakar dan kini negara China juga mula menggunakan jagung untuk menghasilkan bahan api 'biofuel' yang menjanjikan pulangan lumayan," katanya.

Dalam usaha membantu kerajaan, Dr Zulkifli berkata beberapa penyelidikan sedang dijalankan bagi mencari alternatif untuk membantu mengurangkan penggunaan bahan import itu tetapi perlu dilihat sama ada bahan makanan itu sesuai untuk ternakan seperti ayam.

Katanya penggunaan dedak isirung kelapa sawit sebagai makanan alternatif tidak dapat membantu sepenuhnya, tetapi hanya menampung 20 peratus dan selebihnya masih memerlukan bahan seperti jagung dan soya.

Ini kerana isirung kelapa sawit itu mempunyai kandungan fiber yang tinggi di mana ia tidak sesuai untuk sistem penghadaman ayam, katanya. "Kalau untuk lembu, isirung kelapa sawit ini sesuai dijadikan bahan gantian makanan tapi tidak untuk haiwan seperti ayam kerana sukar untuk dicernakan oleh sistem penghadaman ayam," katanya.

Menurutnya Pusat Pengurusan Penyelidikan UPM sedang merancang untuk mengkaji penggunaan daun malberi untuk menggantikan soya dalam makanan haiwan ternakan. Beliau berkata daun malberi mempunyai kandungan protein yang tinggi bagi menggantikan soya. Lebih menguntungkan, daun malberi sesuai ditanam dalam iklim negara ini.

Sementara itu, Ketua Unit Bahagian Ayam Daging, Persatuan Penternak Ayam Pulau Pinang, Ang Pun Heng berkata pada masa ini kebanyakan penternak mengalami kerugian kerana kos pengeluaran ayam daging telah meningkat daripada RM4 kepada RM4.20.

"Kementerian telah menetapkan RM4 dan pada masa ini kami (penternak) mengalami kerugian. Kos menternak semakin meningkat dengan kenaikan harga jagung. Bila harga jagung naik, kos pengangkutan kapal untuk membawa barang-barang terbabit juga meningkat," katanya ketika dihubungi hari ini.

Tambahnya, kenaikan harga ayam daging patut dipertimbangkan kerana pada masa ini, pihak tertentu patut melihat daripada beberapa aspek yang terlibat dalam proses pengeluaran ayam daging ini.

Ang berkata terkini, harga jagung yang diimport mencecah RM960 satu tan metrik dan harga itu dijangka mencecah RM1,000 tidak lama lagi. "Empat tahun lepas, harga jagung (hanya) RM500 setan metrik, dan sekarang RM960 dan dijangka menjelang Oktober, mungkin sampai RM1,000 setan metrik," katanya.

Berhubung bahan alternatif yang digunakan sebagai bahan gantian kepada makanan ayam iaitu isirung kelapa sawit, Ang berkata bahan terbabit hanya menampung sedikit sahaja dan penternak masih memerlukan jagung dan soya.

Katanya isirung kelapa sawit tidak begitu sesuai untuk penghadaman ayam kerana mengandungi minyak selain harga yang agak tinggi, iaitu antara RM700 dan RM800 satu tan metrik.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Kelantan puas hati pelan ECER dan harap berjaya bangun negeri

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KOTA BAHARU, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan negeri Kelantan berpuas hati dengan pelan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan berharap pelaksanaannya nanti akan mampu merubah sepenuhnya perkembangan sosio ekonomi negeri-negeri di Pantai Timur negara itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancang Ekonomi, Kewangan dan Pembangunan Masyarakat Kelantan, Datuk Husam Musa berkata kerajaan negeri memberi jaminan akan memberikan kerjasama, termasuk mempercepatkan urusan pengambilan tanah, demi menyaksikan kejayaan ECER.

"Kerajaan negeri pada asasnya menerima baik ECER ini dan berharap ia akan berjaya," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Semalam, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican mengumumkan bahawa RM112 bilion akan dilaburkan bagi menjayakan projek ECER itu.

ECER akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 30 Okt ini di Kuala Terengganu, Terengganu dan Kota Bharu, manakala keesokan harinya di Kuantan, Pahang.

Husam berkata pelan itu turut menerima pakai beberapa cadangan kerajaan negeri termasuk menjadikan Pengkalan Kubor sebagai "jeti penghantaran minyak dan gas".

Beliau bagaimanapun berharap kerajaan Pusat bersetuju dengan cadangan menjadikan Kelantan sebagai tempat pendaratan minyak dan gas yang terdapat di perairan negeri.

Katanya kerajaan negeri akan meminta Petronas memberikan taklimat penuh kepada semua Exco dan pegawai kanan kerajaan negeri mengenai ECER itu.

"Kita sebelum ini hanya diberikan maklumat berhubung pelan awalnya sahaja dan telah memberi maklum balas mengenai cadangan itu," katanya.

Husam juga berkata taklimat penuh juga diberikan kepada Setiusaha Kerajaan Negeri Datuk Mohd Aiseri Alias semalam dan kerajaan negeri sudah menerima jemputan menghadiri pelancaran ECER itu nanti.

Beliau berkata kerajaan negeri juga menyambut baik langkah kerajaan menjadikan Petronas sebagai perancang utama wilayah ekonomi itu dan yakin syarikat petroleum nasional itu mampu merubah bentuk pembangunan di seluruh negeri Pantai Timur.—BERNAMA

Tajuk Artikel : Ops bersih JPJ mula sasar luar terminal pula

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

SEREMBAN, 20 Sept (Bernama) -- Selepas mencapai kejayaan dalam Ops Bersih, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan memulakan fasa baru operasi itu dengan mula menggerakkan penguatkuasanya keluar daripada terminal-terminal bas yang menjadi tumpuan operasi sebelum ini.

Pengarah Penguatkuasa JPJ Salim Parlan berkata penguatkuasa JPJ sedar bahawa ada sesetengah bas yang enggan memasuki kawasan terminal, sebaliknya menurunkan dan mengambil penumpang di luar kerana tahu pegawai JPJ ada menunggu di dalam.

"Mereka tidak akan terlepas, bas-bas berkenaan sudah dikenal pasti dan kita akan memburu pesalah-pesalah jalan raya termasuk bas-bas ekspres, melalui sekatan jalan dan rondaan di jalan raya pula," katanya kepada para pemberita ketika ditemui sedang memantau operasi JPJ di stesen bas Terminal One di sini hari ini.

"Kita bukan hangat-hangat tahi ayam, mereka (pengusaha dan pemandu bas) kini sudah seharusnya mula sedar. Kalau masih tidak sedar lagi, syarikat itu sendiri yang akan rugi," tambahnya.

Salim berkata sehingga kini 5,360 kenderaan diperiksa di bawah Ops Bersih di Negeri Sembilan, dan daripada jumlah itu 607 kenderaan dikenakan pelbagai tindakan kerana menyalahi peraturan lalu lintas. Sementara itu operasi JPJ di stesen bas Terminal One itu turut dilawati Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pengangkutan Awam dan Pembangunan Koperasi Negeri Datuk Zakaria Nordin.

Bercakap kepada pemberita, Zakaria berkata tidak semua syarikat bas ekspres mempunyai sikap yang buruk malah ada syarikat bas yang menyimpan statistik yang menunjukkan kesalahan yang dibuat oleh para pemandu mereka.

"Kalau ada syarikat yang masih bertanggungjawab untuk mencari pemandu yang baik, mengapa langkah ini tidak dapat diikuti oleh syarikat-syarikat bas yang lain. Pemandu mempunyai tanggungjawab yang berat, dia menjaga kira-kira 40 nyawa (penumpang) di tangannya," katanya lagi.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Kerajaan mungkin import makanan jika peniaga ;etak harga tinggi, kata Shafie

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

GURUN, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengimport barangan keperluan dan makanan jika peniaga tempatan tidak dapat menampung permintaan pengguna pada harga yang ditetapkan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Mohd Shafie Apdal.

"Kita boleh import barangan keperluan makanan supaya barangan itu cukup di pasaran dan pengguna boleh mendapat dengan harga yang patut," kata kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di daerah Yan di sini hari ini.

Mengenai harga ayam yang tinggi, Shafie berkata kementerian mendapati pembekal ayam berkemampuan menyediakan sebanyak 22 juta ekor sebulan dan tidak ada sebab untuk harga ayam dinaikkan melebihi

daripada harga siling yang telah ditetapkan. Beliau juga berkata 136 kesalahan mengikut Akta Perihal Perdagangan dilaporkan berlaku di seluruh negara dalam tempoh seminggu puasa Ramadan bermula.

"Kita telah mengeluarkan kompuan berjumlah RM24,850 dan merampas pelbagai barangan yang berharga RM34,960," katanya.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Penternak meri tunai komitmen pendahkan lebihan babi ikut jadual - TPM

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

PUTRAJAYA, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menegaskan penternak khinzir di tiga pekan kecil di Melaka yang ladang ternakan mereka tidak mematuhi piawaian sanitari menunaikan komitmen untuk memindahkan lebihan haiwan itu mengikut jadual.

Timbalan Perdana Menteri berkata dalam perbincangan beliau dengan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam semalam, kerajaan negeri bersetuju untuk mencari satu formula yang boleh membawa kepada pengurangan bilangan babi di ladang berkenaan.

Kerajaan negeri juga berjanji untuk bersikap fleksibel dalam hal itu asalkan penternak menunaikan janji mereka, katanya.

"Kabinet meminta supaya isu ini diselesaikan dengan baik," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian projek usahasama untuk memajukan perladangan kelapa sawit di Kalimantan Timur dengan syarikat dari Indonesia, PT Kalpataru Investama di sini hari ini.

Turut menyaksikan pemeteraian perjanjian itu ialah Pengerusi Felda Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor dan Kaunselor (Ekonomi) Kedutaan Indonesia Ke Malaysia Rahmat Pramono.

"Kita fleksibel daripada segi dateline (tempoh) tetapi mereka mesti tunaikan komitmen mereka," katanya.

Sebelum ini, kerajaan negeri Melaka memberikan tempoh hingga esok untuk penternak menghadkan hanya 48,000 ekor khinzir sahaja daripada 100,000 ekor ditempatkan di kawasan Bukit Beruang, Paya Mengkuang dan Man Lok.

Pada 4 Sept lepas, kerajaan negeri Melaka menangguhkan operasi memusnahkan lebihan ternakan babi di kawasan berkenaan, setelah penternak berjanji untuk mengurangkan sendiri ternakan dari lebih 140,000 ekor kepada 48,000 ekor. Bagaimanapun, kerajaan negeri Melaka hari ini memutuskan melanjutkan tempoh untuk penternak babi membawa keluar ternakan masing-masing dari kawasan berkenaan sehingga 4 Okt ini.

Sementara itu, mengulas mengenai keputusan kerajaan untuk menangguhkan sistem e-kesihatan bagi pemandu kenderaan komersial yang dijadualkan berkuatkuasa 1 Okt ini, Najib berkata Kabinet memutuskan untuk menangguhkannya sebab menerima bantahan daripada banyak pihak.

"Dan kabinet memikirkan kalau kita nak melaksanakan satu skim ia sepatutnya dapat diterima dengan baik oleh semua pihak. "Jadi kita akan memperhalusi lagi konsep ini dan juga syarat-syaratnya supaya kita akan dapat memberi kepuasan kepada semua pihak," katanya.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : 666 ladang ayam cukup tampung bekalan ayam di Johor

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

JOHOR BAHRU, 20 Sept (Bernama) -- Kekurangan bekalan ayam di Johor sepatutnya tidak berlaku memandangkan terdapat sejumlah 666 ladang ayam di seluruh negeri dengan kapasiti 3.3 juta ekor ayam yang cukup untuk menampung permintaan pengguna.

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Johor Datuk KS Balakrishnan berkata pihaknya hairan bagaimana kekurangan ayam boleh berlaku memandangkan kesemua ladang itu mampu mengeluarkan 370,000 ekor ayam sehari kepada pemborong.

" (Bahagian Penguatkuasa) KPND&HEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) bersama Jabatan Perkhidmatan Haiwan sudah menjalankan pemeriksaan di beberapa ladang ayam dan berdasarkan laporan yang diterima itu, adalah mustahil untuk mengatakan bekalan ayam di Johor masih tidak mencukupi," katanya.

Beliau berkata daripada 370,000 ekor ayam itu, 330,000 sudah cukup untuk memenuhi bekalan tempatan manakala 40,000 ekor lagi untuk dieksport.

"Oleh itu, jelas menunjukkan bekalan ayam mencukupi, bagaimanapun, KPND&HEP bersama JPH akan terus mengadakan lawatan ke ladang-ladang bagi mengelakkan masalah bekalan ayam ini terus meruncing," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pemeriksaan barangan keperluan di Pasar Awam Larkin dan kilang pembungkusan minyak masak Winner Edible Oil, Taman Gembira, dekat Tampoi, di sini hari.

Mengulas mengenai barangan keperluan lain, beliau berkata pemeriksaan di Pasar Awam Larkin itu mendapati rata-rata bekalan termasuk sayur, ikan dan daging mencukupi dengan dijual pada harga yang terkawal kecuali minyak masak yang mendapat aduan daripada peruncit dan orang ramai berlakunya kekurangan bekalan berkenaan.

Katanya cili merah dijual rendah dengan harga RM6 sekilogram berbanding harga siling RM8 sekilogram, tomato dijual RM2 sekilogram berbanding harga siling RM3 sekilogram dan ikan kembung RM6 sekilogram berbanding harga siling RM10 sekilogram.

Dalam pada itu, Balakrishnan berkata sejumlah 1,859 premis di seluruh Johor diperiksa pihaknya sejak Skim Kawalan Harga Barang dikuatkuasakan pada 13 Sept lepas dan dalam tempoh itu juga, pihaknya menerima 13 aduan membabitkan kenaikan harga barang dan dua pemborong ayam dikenakan tindakan atas kesalahan membekalkan ayam melebihi harga siling.

Sementara itu, dalam lawatannya ke kilang pembungkusan minyak masak berkenaan, Balakrishnan berkata dengan pengeluaran kira-kira 8,500 paket minyak sehari oleh kilang itu adalah tidak munasabah untuk mengatakan bekalan minyak masak meruncing di Johor.

"Di Johor sahaja terdapat 10 buah kilang pembungkusan seperti ini dan adalah tidak munasabah mengatakan bekalan masih tidak mencukupi.

" Peruncit mengadu mereka hanya mendapat bekalan sekotak minyak masak sehari mengandungi 17 paket minyak masak di dalamnya ketika ini berbanding lima kotak sehari sebelum ini. Bagaimanapun, selepas

melawat kilang ini, kita yakin bekalan minyak masak mencukupi dan kita akan terus pantau bekalan ini untuk mengelakkan sebarang masalah timbul," katanya.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : MPK mula lupuskan sisa organic berbau busuk di Klang

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

KLANG, 20 Sept (Bernama) -- Majlis Perbandaran Klang (MPK) hari ini memulakan kerja memindahkan ratusan guni sisa buangan berbau amat busuk yang dikesan di tiga tempat yang mengganggu keselesaan penduduk setempat.

Wartawan yang mengikuti tinjauan Yang Dipertua MPK Mislan Tigiu ke satu daripada tempat sisa itu ditemui di Kawasan Perindustrian Pulau Indah pagi tadi terhidu bau busuk itu walaupun memakai topeng penutup mulut seperti yang dipakai oleh pakar bedah.

Kelihatan beratus-ratus guni yang diisi dengan sisa berwarna kelabu kehitaman terdampar di satu kawasan semak samun di kawasan itu dan ada antara guni itu sudah mula reput dan pecah.

Mislan berkata terdapat dua tempat di kawasan Perindustrian Pulau Indah di mana sisa buangan itu dilonggokkan dan satu daripadanya sudah selesai dipindahkan semalam ke kawasan yang dikhaskan bagi tujuan pelupusan.

Selain daripada di Pulau Indah, sisa buangan itu turut ditemui di Bayu Emas dan Pendamar Indah.

Ditanya berapa lama masa yang diperlukan untuk membersihkan sisa-sisa itu, beliau berkata ia mungkin mengambil masa sekurang-kurangnya tiga hari.

Mislan berkata kerja pembersihan dilakukan oleh kontraktor yang dilantik dan menelan belanja antara RM30,000 dan RM40,000 kerana tidak ramai yang berminat untuk melakukan kerja pembersihan itu manakala MPK tidak mempunyai kelengkapan untuk melakukannya.

Ditanya sama ada sisa itu adalah daripada najis khinzir seperti yang didakwa oleh orang ramai, beliau berkata pihaknya tidak mahu membuat andaian dan contoh sisa itu telah dihantar ke Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Selangor untuk dianalisis.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel : ECER pencetus perubahan minda penduduk Kelantan

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

JELI, 20 Sept (Bernama) -- Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) mampu menjadi pencetus perubahan minda penduduk Kelantan setelah program itu dilaksanakan nanti, kata Pengarah Jabatan Pelajaran Kelantan Ismail Mohd Noor.

Katanya dengan pelaburan berjumlah RM112 bilion untuk ECER, pembangunan infrastruktur yang disediakan dalam pelan itu akan meliputi aspek pendidikan.

"Sesuai dengan pembangunan yang dirancangkan itu, pendidikan Kelantan akan bertambah baik daripada segi infrastuktur dan pembangunan," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

ECER, meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing di Johor, adalah wilayah pembangunan ketiga yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tahun ini selepas Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor dan Wilayah Pembangunan Koridor Utara (NCER) yang meliputi negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia.

Ismail berkata peluang itu bukan sahaja membawa kepada peningkatan pendidikan di peringkat rendah tetapi meliputi pengajian tinggi dengan pelbagai bidang pengajian termasuk kemahiran akan diwujudkan.

"Penduduk pedalaman juga berpeluang menikmati pembangunan dari bidang infrastruktur yang mana jalan-jalan baru dibina sudah tentu membawa kepada pertumbuhan ekonomi masyarakat dan ini membawa kepada perubahan," katanya.

Ismail berkata bahawa dengan adanya ECER, Jabatan Pelajaran Negeri akan dapat merancangkan lagi Pelan Pembangunan Pendidikan Kelantan yang dilancarkan tahun lepas bagi melahirkan modal insan kelas pertama.--BERNAMA

Tajuk Artikel : Mangsa banjir di Pendang bertambah

Sumber / Tarikh : Bernama Online 21 September 2007 - Jumaat

PENDANG, 20 Sept (Bernama) -- Mangsa banjir di Pendang meningkat kepada 261 orang hari ini daripada 252 orang semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Daerah Pendang berkata empat keluarga yang baru dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Kompleks Rakan Sukan Tanjung Radin pada pukul 4 pagi tadi adalah dari Pondok Haji Hussin dan Kampung Alor Puntii.

Kawasan rumah mereka dinaiki air lebih satu meter malam tadi akibat limpahan air dari Sungai Pendang yang menyebabkan banjir melanda 12 kampung di sini sejak Isnin lepas.

Mangsa banjir di Pendang berjumlah 62 keluarga dan kesemua mereka ditempatkan di Kompleks Rakan Sukan Tanjung Radin.

"Air Sungai Pendang masih berada di paras berjaga-jaga iaitu sedalam 2.9 meter pagi ini tetapi dijangkakan

akan surut beberapa hari lagi," kata jurucakap itu kepada Bernama.

Banjir di Kota Star pula mulai surut dan semalam eman orang dari satu keluarga telah dibenarkan pulang ke rumah mereka setelah dipindahkan pada Selasa lepas.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : DNA sah Nurin

Sumber / Tarikh : Harian Metro Online 21 September 2007 - Jumaat

SHAH ALAM: "99.99 peratus sampel deoksiribonukliek asid (DNA) diambil daripada mayat kanak-kanak ditemui dalam beg sukan, Taman Petaling Utama, Petaling Jaya, Isnin lalu, sama dengan sampel DNA milik ibu bapa Nurin Jazlin Jazimin, 8.

"Mengikut sains forensik, sampel itu menunjukkan mayat kanak-kanak dalam beg itu adalah Nurin tetapi saya enggan mengesahkan apa-apa kerana ibu bapanya sendiri mengesahkan mayat kanak-kanak itu bukan Nurin," kata Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, di sini, semalam.

Pengesahan sampel DNA berkenaan diperoleh polis kira-kira pada jam 2.30 petang semalam, selepas dianalisis Jabatan Forensik sejurus mayat kanak-kanak itu ditemui.

Menurut Khalid, polis sudah memaklumkan kepada pasangan Jaziman Abd Jalil, 33, dan Norazian Bistaman, 35, mengenai keputusan DNA itu, namun mereka enggan mengesahkan mayat kanak-kanak berkenaan adalah Nurin.

"Tengah hari tadi (semalam), kami menjemput pasangan berkenaan ke bilik mayat Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk pengecaman semula tetapi mereka tetap mengatakan ia bukan Nurin.

"Kami sudah maklumkan hasil ujian DNA terhadap mayat kanak-kanak berkenaan kepada pasangan itu dan turut mencadangkan kepada Jaziman dan Norazian untuk mengambil sampel kedua mereka bagi dianalisis sekali lagi," katanya.

Pada masa sama, polis akan mengambil sampel DNA kakak Nurin untuk dijadikan perbandingan dalam masa terdekat manakala datuk serta nenek kanak-kanak malang berkenaan juga akan dipanggil untuk pengecaman mayat kanak-kanak dalam beg itu.

Selain sampel darah untuk ujian DNA, polis bercadang menjadikan rekod pergigian Nurin sebagai rujukan bagi dianalisis dengan rekod pergigian mayat kanak-kanak berkenaan.

Berkaitan sama ada ibu bapa Nurin mungkin berhutang dengan along atau pihak tertentu sehingga berlaku kejadian tidak diingini terhadap kanak-kanak berkenaan, Khalid mengatakan pihaknya akan melakukan siasatan.

"Kita akan siasat daripada semua segi termasuk ibu bapa Nurin sama ada mereka menyembunyikan sesuatu dan sebagainya.

"Mungkin polis akan memanggil mereka untuk diambil keterangan sekali lagi tetapi ia bergantung kepada keadaan dan ia bukan bermaksud mereka bersalah atau suspek utama," katanya.

Selain itu, Khalid berkata, polis masih belum lagi mengenal pasti suspek utama kes pembunuhan kanak-kanak berkenaan berdasarkan siasatan pada beg terbabit atau mayat mangsa.

Beliau tidak menolak kematian kanak-kanak berusia lingkungan enam hingga 10 tahun itu ada kaitan dengan kes 'lelaki kucing' di Kampung Baru, Kuala Lumpur, yang pernah menggemparkan warga kota dengan tindakannya gemar melakukan serangan seksual terhadap gadis kecil.

Tajuk Artikel : Tanah mendap dekat HSAH semakin membesar

Sumber / Tarikh : Harian Metro Online 21 September 2007 - Jumaat

SUNGAI PETANI: Satu lagi kejadian tanah mendap berlaku di Jalan Utama, Amanjaya, berhadapan pintu masuk Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) di sini, sejak beberapa hari lalu dan semakin membesar sejak semalam.

Lubang dua meter lebar dan lima meter dalam terbentuk di sebelah kiri jalan utama itu selepas runtuh beberapa hari lalu dipercayai berpunca dari saluran air yang merintang di bawah jalan itu.

Sebelum ini, lubang yang terbentuk hanya kecil bagaimanapun sejak kelmarin ia lebih besar dan jika dibiarkan saiznya mungkin menjadi bertambah besar.

Harian Metro yang meninjau ke tempat kejadian semalam mendapati lorong sebelah kiri jalan itu ditutup pihak berkuasa berkaitan dengan hanya menggunakan kon dan tali saja sekali gus boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan itu terutama pada waktu malam.

Beberapa pengguna jalan raya mahu pihak berkenaan mengambil tindakan segera menimbus lubang berkenaan kerana ia amat berbahaya jika ada penunggang motosikal atau pemandu kereta terjatuh di dalamnya biarpun terdapat tanda amaran di hadapannya.

Dalam kejadian kira-kira 5.15 pagi Selasa lalu, penduduk di Taman Sinar Mentari, Bedong terkejut apabila mendengar bunyi seakan-akan tanah runtuh di hadapan rumah mereka dan selepas memeriksanya mendapati satu lubang terbentuk di atas jalan.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK), Zubaidah Hanoom Mohd Yusof, yang dihubungi memaklumkan pihaknya mengambil langkah segera bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku.

Katanya, sejak semalam MPSPK mula menimbus lubang yang terbentuk di hadapan rumah penduduk taman terbabit bagi mengelak penduduk terutama kanak-kanak terjatuh di dalamnya.

"Kami juga sudah mengarahkan pemaju perumahan terbabit membuat pemeriksaan di seluruh taman itu bagi memastikan tiada lagi kejadian tanah jerlus di kawasan itu," katanya.

Tajuk Artikel : Peniaga ayam akur harga siling RM6

Sumber / Tarikh : Harian Metro Online 21 September 2007 - Jumaat

SEBERANG JAYA: Harga ayam di negeri ini termasuk beberapa pasar sekitar Seberang Prai masih stabil berikutan peniaga menjual pada harga siling iaitu RM6 sekilogram.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Jalan Tenggiri, Seberang Jaya di sini, mendapati semua gerai ayam di pasar itu menjual pada harga sama.

Peniaga, Mansor Abdullah, 43, berkata dia menjual kira-kira 40 hingga 50 ekor ayam sehari dan jumlah itu berkurangan berbanding sebelum ini antara 50 hingga 60 ekor.

Katanya, dia akur dan mematuhi arahan ditetapkan untuk menjual ayam pada harga ditetapkan kerajaan iaitu RM6 sekilogram.

"Saya sudah berniaga ayam sejak 15 tahun lalu dan kenaikan kali ini terasa agak membebankan," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Mansor berkata, dia menerima bekalan terus dari ladang di pusat penternakan ayam di Juru yang dibeli dengan harga borong RM5.50 sekilogram.

Katanya, penjualan ayam merosot sedikit kerana orang ramai kini lebih berhati-hati dan membeli pada harga rendah.

"Peniaga kini tersepit kerana pemborong menaikkan harga menyebabkan kami menanggung akibatnya," katanya.

Peniaga, Zaharah Jon, 53, berkata harga RM5.50 sekilogram yang dibeli daripada pemborong menyebabkan pendapatannya merosot.

Katanya, bayangkan, dengan 50 sen itulah dia terpaksa menampung kos minyak dan tol semata-mata untuk berniaga di pasar itu.

"Lebih-lebih lagi saya tinggal di Sungai Bakap, Seberang Prai Selatan (SPS) dan terpaksa berulang-alik setiap hari dan keadaan ini berbeza berbanding dua hingga tiga tahun lalu," katanya.

Ketika itu, dia masih mampu bertolak ansur dengan mengurangkan harga ayam sekiranya ditawarkan pembeli, tetapi kini tidak dapat berbuat demikian kerana memperolehi harga rendah.

Setakat ini, dia masih boleh bertahan dan menjual ayam pada harga sedia ada bagaimanapun, sekiranya ada perubahan harga dari ladang ia bukanlah di bawah kawalan peniaga.

Peniaga, Hakimi Rosdi, 24, berkata peniaga kini tersepit disebabkan tindakan pemborong yang menaikkan harga di pasaran.

Tajuk Artikel : Bahana makan siang Ramadhan

Sumber / Tarikh : Harian Metro Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Zuliaty Zulkiffli

ALOR STAR: Akibat ponteng berpuasa, seorang lelaki cedera di dahi dan terseluh kaki kiri ketika cuba melarikan diri daripada diberkas penguat kuasa Jabatan Agama Islam Kedah (Jaik), apabila dia dikesan sedang makan di sebuah kedai di Simpang Empat, dekat sini, semalam.

Dalam serbuan kira-kira jam 10 pagi itu, empat lelaki sedang makan di sebuah kedai bukan Islam bertempiraran ke belakang kedai sebaik melihat kehadiran penguat kuasa yang melakukan rondaan semalam.

Tiga daripada mereka sempat melarikan diri, manakala seorang lagi berjaya ditahan dalam serbuan itu.

Lelaki berusia 43 tahun itu jatuh tertiarap beberapa kali ketika penguat kuasa mengejanya menyebabkan selipar yang dipakainya putus selain kakinya luka kecil. Dia cedera di dahi berjaya ditahan beberapa minit kemudian apabila dia terperangkap dan panik melihat beberapa penguat kuasa mengepung kawasan itu.

Sementara itu, dalam serbuan di Tebengau, dekat sini, seorang lelaki yang terkejut melihat penguat kuasa cuba menepis tangan penguat kuasa untuk melarikan diri ketika mereka menahannya kerana sedang makan di sebuah kedai tetapi gagal melarikan diri.

Lelaki berusia 51 tahun itu kemudian ditahan dan dibawa ke pejabat agama Islam untuk diambil tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Ketua Unit Penguat kuasa Agama, Jabatan Agama Islam Kedah (Jaik) Negeri, Sheikh Alwi Othman, berkata operasi itu dilakukan bersama Majlis Bandaraya Alor Star (MBAS) serta dibantu pejabat daerah termasuk Kota Star, Kuala Muda, Padang Terap dan Kubang Pasu.

Beliau berkata, operasi yang bermula jam 9.30 pagi itu tertumpu di 21 lokasi termasuk di sekitar Alor Star, Simpang Empat, Alor Janggus, Pokok Sena, Langgar dan beberapa kawasan lain untuk menahan mereka yang makan di khalayak ramai.

Katanya, dalam serbuan itu seramai tiga lelaki berusia 40 hingga 55 tahun ditahan kerana makan di khalayak ramai dan akan didakwa mengikut Seksyen 26(2) Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kedah (EKJSK) 1988.

"Kita turut menahan lapan peniaga di beberapa kawasan kerana menjual makanan bermasak sebelum jam 3 petang selain membenarkan orang Islam membeli makanan di kedai mereka sebelum waktu yang ditetapkan.

"Mereka akan didakwa mengikut Seksyen 26(1) EKJSK 1988 dan sabit kesalahan boleh didenda RM500 atau tiga bulan penjara atau kedua-duanya sekali," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, mereka yang ditahan akan dibicarakan di mahkamah.

Sheikh Alwi berkata, walaupun amaran melarang peniaga berniaga awal sudah dimaklumkan, namun masih ada peniaga yang masih berdegil.

Tajuk Artikel : 11 pemborong di saman

Sumber / Tarikh : Harian Metro Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Sebelas pemborong ayam di negeri ini dikenakan tindakan tegas Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana menjual ayam melebihi harga siling ditetapkan.

Pemborong terbabit dikatakan menjual ayam berkenaan pada harga RM5.80 sekilogram berbanding RM5.40 sekilogram seperti ditetapkan skim kawalan harga musim perayaan berkuat kuasa minggu lalu.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP negeri, Wan Shuhaimi Wan Ibrahim, berkata 11 kes itu membabitkan enam di Kuantan, Temerloh (dua) dan Raub (tiga).

Menurutnya, minggu lalu, pihaknya merampas 105 kilogram ayam daripada seorang pemborong di Pasar Besar, di sini yang berniaga tanpa lesen.

Katanya, pihaknya tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana pemborong ayam yang tidak mempedulikan arahan kerajaan.

"Selepas seminggu operasi harga dijalankan di negeri ini, saya berpuas hati apabila pemborong dan peruncit ayam akur dengan arahan kerajaan supaya tidak menaikkan harga," katanya.

Tajuk Artikel : Bekalan ditambah

Sumber / Tarikh : Harian Metro Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Ahmad Saufi Mansor

KEPALA BATAS: Masalah kekurangan bekalan minyak masak paket satu kilogram di beberapa negeri dijangka diatasi dengan penambahan kapasiti pengeluaran.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah berbincang berhubung masalah berkenaan dengan kementerian terbabit," kata Menterinya, Datuk Mohd Shafie Apdal, semalam.

Tajuk Artikel : Serbu pejabat

Sumber / Tarikh : Harian Metro Online 21 September 2007 - Jumaat

Oleh Norfaisal Jahuri

MELAKA: Lebih 100 orang dipercayai pelabur sebuah syarikat yang menganjurkan skim cepat kaya melalui penjualan kad prabayar menyerbu pejabat syarikat itu di sebuah hotel di bandar ini, pagi semalam selepas mendapat tahu pengarah syarikat terbabit ditahan malam kelmarin.

Mereka menyerbu syarikat itu sejak awal pagi bagi mengetahui status pelaburan masing-masing. Bagaimanapun, mereka dilarang masuk ke pejabat itu.

Pihak syarikat juga menampal notis menyatakan aktiviti perniagaan dihentikan sementara sehingga siasatan Bank Negara Malaysia (BNM) selesai.

Bagaimanapun, seorang wanita dipercayai kerani syarikat itu berusia lingkungan 20-an kemudian muncul bertemu pelabur terbabit.

Tinjauan Harian Metro di lokasi hotel serta luar pejabat syarikat itu mendapati pelabur kebanyakan Melayu berusia antara 21 hingga 68 tahun.